AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Abdullah bin Abas Radiallahuanhuma,
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :
"Manfaatkan lima perkara sebelum (datang) lima perkara :
(Masa) mudamu sebelum datang (masa) tuamu,
sihatmu sebelum datang masa sakitmu,
(masa) kayamu sebelum datang (masa) sempitmu,
(masa) lapangmu sebelum datang (masa) sibukmu
dan (masa) hidupmu sebelum datang (masa) kematianmu".
(Hadis Riwayat Al-Bukhari).**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.05 | ASAR 3.25 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 132 | 4 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأول 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

NBD-KESULTANAN OMAN TERUS PERKUKUH HUBUNGAN PERSAHABATAN, KERJASAMA

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Keberangkatan Negara pertama baginda.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyatakan bahawa keberangkatan tersebut merupakan satu detik bersejarah memandangkan ia merupakan keberangkatan pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ke NBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian pada Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan ke NBD di Istana Nurul Iman.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Berkenan menerima penganugerahan 'Order of Al-Said'

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Keberangkatan Negara selama tiga hari mulai 2 hingga 4 November 2026 yang berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

>> Muka 9

AMAF tekankan pengukuhan pengeluaran domestik, keterhubungan perdagangan serantau

Siaran Akhbar : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 2 November. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, baru-baru ini telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-48 (48th ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry-AMAF Ke-48) yang berlangsung di Republik Singapura pada Khamis, 29 Oktober 2026.

Mesyuarat AMAF Ke-48 berkenaan dipengerusikan oleh Minister of Sustainability and the Environment of Singapore, Her Excellency Grace Fu Hai Yien.

>> Muka 13

Ke arah membina ekonomi Asia-Pasifik berdaya tahan, inklusif

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Ahli-ahli ABAC Brunei Darussalam, Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim, dan Pengarah Urusan Exceltech Solutions Sdn. Bhd., Awang Hafriz Fayyadh, hari ini menyerahkan Laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) bagi Tahun 2026 kepada Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, baru-baru ini.

>> Muka 13

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



DOA Kesyukuran sempena Sambutan HPPPN Ke-16

Muka 12



AUN-UIE perluas peluang inovasi, pembangunan keusahawanan serantau

Muka 14



KULIMPAPA Orchestra harumkan nama negara di persada antarabangsa

Muka 26



BANTUAN Kecerdasan Buatan (AI) Pemangkin Transformasi Digital

Muka 27

PELITA BRUNEI

NBD-Kesultanan Oman terus perkukuh hubungan persahabatan, kerjasama

>> Muka 1

Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengimbas kembali keberangkatan Kebawah DYMM Sultan Oman ke NBD sebelum menaiki takhta Kesultanan Oman dan berharap agar hubungan persahabatan terjalin dengan mesra.

Dalam titah Kebawah DYMM juga mengiktiraf dedikasi peribadi Kebawah DYMM Sultan Oman dalam memperkukuh hubungan dua hala, termasuk melalui peranan baginda sebagai pengerusi bersama Bilateral Consultative Meeting pada 1993.

Tegas titah baginda lagi, kedua-dua kesultanan yang telah wujud sejak berkurun lamanya disatukan oleh ugama Islam serta nilai-nilai bersama, sekali gus mewujudkan hubungan yang lebih erat.

Kebawah DYMM selanjutnya bertitah mengimbas kenangan Al-Marhum Sultan Qaboos bin Said serta menzahirkan penghargaan atas sumbangan Al-Marhum terhadap hubungan rapat antara kedua-dua buah negara, dan berharap agar hubungan dua hala tersebut akan terus berkembang maju di bawah kepimpinan Sultan Oman yang sekarang.

Dalam pada itu, Kebawah DYMM juga bertitah menzahirkan harapan agar Kesultanan Oman mencapai Wawasan Oman 2040 (Oman Vision 2040) dan akan membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada rakyat Kesultanan Oman.

Menurut titah baginda lagi, peningkatan hubungan kepada Strategic Partnership memberikan hala tuju baharu kepada jalinan hubungan yang telah terjalin melebihi empat dekad.

Bahkan, Kebawah DYMM bertitah bahawa dengan melalui Oman Brunei Investment Company, beberapa kerjasama tercapai di bidang pendidikan dan kebudayaan dan dokumen - dokumen yang dimeterai pada hari ini akan membina asas dan menjana peluang kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM dalam titah turut menzahirkan keyakinan bahawa generasi seterusnya dari NBD dan Kesultanan Oman akan terus membina hubungan berdasarkan keakraban, kepercayaan, dan persahabatan yang dikongsi oleh kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin

Pada masa yang sama, baginda juga bertitah menzahirkan penghargaan atas kebijaksanaan dan kepimpinan Sultan Oman dalam usaha mencapai keamanan di tengah-tengah situasi mencabar yang melanda rantau teluk pada masa ini untuk mengekalkan dialog demi keamanan dan kestabilan.

Sehubungan dengan itu, Kebawah DYMM bertitah menekankan bahawa keberangkatan Sultan Oman ke NBD telah mengukuhkan lagi ikatan persaudaraan antara kedua-dua buah negara dan menantikan peluang pada masa hadapan untuk bersua serta memajukan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara kesultanan ini.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	RABU	24	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	KHAMIS	25	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	JUMAAT	26	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
7	SABTU	27	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	AHAD	28	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
9	ISNIN	29	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
10	SELASA	30	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	34 / 25 °C	33 / 27 °C	33 / 26 °C
Pekan Bangar	34 / 25 °C	32 / 26 °C	32 / 25 °C
Pekan Tutong	33 / 25 °C	33 / 24 °C	32 / 24 °C
Kuala Belait	33 / 25 °C	32 / 25 °C	31 / 25 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 4 NOVEMBER 2026

Ukhuwah dalam kehidupan

UKHUWAH dalam Islam merujuk kepada ikatan persaudaraan rohani berasaskan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang menyatukan umat beriman dalam kasih sayang. Dalam ukhuwah ini merangkumi beberapa tingkatan seperti, Ukhuwah 'Ubudiyah adalah persaudaraan sesama hamba Allah Subhanahu Wata'ala. Ukhuwah Insaniyah (Basyariyah) bererti persaudaraan atas dasar kemanusiaan dan saling menghormati daripada usul yang sama. Ukhuwah Wathaniyah pula persaudaraan sebangsa dan setanah air merentasi perbezaan latar belakang. Ukhuwah Islamiah bermula dari persaudaraan khusus sesama Muslim atas dasar akidah.

Kepentingan dan adab ukhuwah ialah untuk membina hubungan yang diredai oleh Allah. Kekuatan ummah ini dalam menyatukan umat Islam agar kukuh seperti sebuah bangunan. Bangunan yang teguh dan kukuh bermula daripada asasnya. Tanpa asas yang teguh dan kukuh, bangunan tidak akan berdiri dengan baik. Begitu juga ukhuwah dalam menyatukan umat Islam bermula daripada hubungan yang baik. Kesempurnaan iman yang perlu ada dalam diri setiap insan ialah mengasihi saudara sepertimana diri sendiri. Tanpa kita kasih akan diri sendiri, kita tidak mampu mengasihi orang di sekeliling kita. Menjaga maruah memainkan peranan penting kerana menjaga maruah ini berasaskan tidak menzalimi dan melindungi kehormatan sesama Muslim.

Dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10 antara lain makna terjemahannya, "*Sesungguhnya orang-orang Mukmin adalah bersaudara. Kerana itu, damaikanlah kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat*".

Semua orang Islam adalah bersaudara. Kerana itu jika bertengkar mereka harus bersatu kembali dan bersaudara seperti biasanya. Ukhuwah Islamiah seharusnya menjadi kekuatan dalam hidup beragama, sehingga menjadi sebuah suasana yang menyejukkan, bukan yang menebar kebencian.

Manakala dalam sebuah hadis pula, "*Perumpamaan kaum mukmin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi, seumpama tubuh, jika satu anggota tubuh sakit, maka anggota tubuh yang lain akan susah tidur atau merasakan demam*". (Hadis riwayat Muslim).

Marilah kita sama-sama menjaga ukhuwah kekeluargaan, persaudaraan, persahabatan. Jadikanlah khilaf kecil sebagai cara untuk memperbaiki bukan sebagai cara untuk mengeruhkan keadaan. Hati memainkan peranan penting dalam mencari perdamaian sesama insan. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرين ت قلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN MENGHOSKAN MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman berkenan mengurniakan titah balas pada Majlis Persantapan Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi, berkenan menghoskan Majlis Persantapan Diraja sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dari 2 hingga 4 November 2026.

Terdahulu, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman dari The Empire Brunei menuju ke Istana Nurul Iman.

Turut berangkat ke The Empire Brunei bagi mengalu - alukan Kebawah DYMM Sultan Oman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring.

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja tersebut ialah kerabat diraja. Berangkat mengiringi Kebawah DYMM Sultan Oman ialah His Highness Sayyid Shihab bin Tarik Al Said, Deputy Prime Minister for Defence Affairs. Juga hadir semasa majlis tersebut ialah rombongan rasmi Kesultanan Oman.

Majlis tersebut dimulakan dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah. Ini diikuti dengan titah balas daripada Kebawah DYMM Sultan Oman.

>> Muka 4







SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah DYMM Sultan Oman pada Majlis Persantapan Diraja (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, bawah tengah dan bawah kanan, suasana pada majlis tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.





PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman serta kerabat diraja berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja.

>> Muka 3

Pada titah balas, Kebawah DYMM Sultan Oman menegaskan semula hubungan persahabatan yang telah lama terjalin antara Kesultanan Oman dan NBD dengan pegangan agama Islam yang dianuti bersama, penghormatan terhadap tradisi serta komitmen untuk mengimbangi pemodenan dengan identiti kebangsaan.

Kebawah DYMM Sultan Oman dalam titah, mengimbau kembali keberangkatan baginda ke NBD pada tahun 2014 dan menzahirkan penghargaan terhadap layanan mesra yang diterima, warisan negara tersebut serta hubungan erat antara kedua-dua kerabat diraja dan rakyat kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM Sultan Oman turut memuji kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kemajuan negara yang dicapai, sambil memelihara warisan budaya NBD.

Baginda seterusnya bertitah menyentuh mengenai perkembangan kerjasama dua hala sejak terjalinnya hubungan diplomatik, khususnya dalam bidang ekonomi dan pelaburan serta pendidikan dan kebudayaan.

Meninjau masa hadapan, Kebawah DYMM Sultan Oman bertitah menyeru agar interaksi antara generasi muda diperdalam serta menekankan tanggungjawab bersama kedua - dua negara untuk mempersiapkan rakyat masing-masing bagi menghadapi cabaran masa depan, dengan tetap berpegang teguh pada nilai-nilai teras masing-masing.

Akhir sekali, baginda menzahirkan penghargaan atas layanan baik NBD serta keyakinan terhadap masa depan hubungan antara Kesultanan Oman dan NBD.

Majlis Persantapan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman turut diserikan dengan beberapa persembahan yang dipersembahkan oleh orkestra terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Simfoni Belia Brunei.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah DYMM Sultan Oman (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM Sultan Oman berkenan menerima junjung ziarah. Sementara gambar kanan sekali, antara persembahan pada majlis tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama Kebawah DYMM Sultan Oman dijunjung bergambar ramai bersama para peserta persembahan. Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas).



BERKENAN MERASMIKAN PAMERAN KHAS FOTO JALINAN KESULTANAN DI ANTARA NBD DAN KESULTANAN OMAN





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berkenan berangkat bagi menyempurnakan Perasmian Pameran Khas Foto Jalinan Kesultanan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berkenan berangkat bagi menyempurnakan Perasmian Pameran Khas Foto Jalinan Kesultanan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman.

Majlis berkenaan berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

>> Muka 6











SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman (atas, atas kiri dan kiri sekali).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima cenderamata daripada Kebawah DYMM Sultan Oman (kiri).

PELITA BRUNEI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman serta kerabat diraja berkenan bergambar ramai.

>> Muka 5

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman dijunjung oleh Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut mengiringi, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Pengiring dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, diikuti dengan perasmian pameran.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Sultan Oman kemudian berkenan menyaksikan Pameran Khas Foto Jalinan Kesultanan di antara NBD dan Kesultanan Oman dan seterusnya berkenan dijunjung bergambar ramai.

Pameran berkenaan mengetengahkan koleksi foto yang menggambarkan hubungan persahabatan, diplomatik dan kerjasama antara NBD dengan Kesultanan Oman yang terjalin sejak 24 Mac 1984.

Pameran berkenaan berlangsung dari 3 hingga 9 November 2026 di BKISHHB.

Manakala pameran akan diadakan pada 14 November 2026 hingga 31 Disember 2026 di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Pameran ini dibukakan kepada orang ramai setiap hari dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada Jumaat.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman (atas).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Sultan Oman berkenan berangkat ke majlis berkenaan dan seterusnya menerima junjung ziarah (kanan sekali dan kanan).

NBD-KESULTANAN OMAN MEMETERAI DEKLARASI BERSAMA, PERJANJIAN, MOU





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman berkenan berangkat bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Deklarasi Bersama dan juga lima Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Kesultanan Oman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (kiri dan atas).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman pagi tadi berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan Deklarasi Bersama dan juga lima Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Kesultanan Oman.

Majlis berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring.

Majlis berkenaan menyaksikan penandatanganan Deklarasi Bersama serta lima Perjanjian dan MoU antara kedua-dua buah negara, merangkumi bidang pengecualian visa, tenaga kerja dan sumber manusia, kesihatan, pertanian dan perikanan serta ekonomi dan perancangan strategik.

Menandatangani Joint Declaration on the Elevation of Ties to a Strategic Partnership between Brunei Darussalam and the Sultanate of Oman berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah Foreign Minister, Tuan Yang Terutama Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi.



MENANDATANGANI Joint Declaration on the Elevation of Ties to a Strategic Partnership between Brunei Darussalam and the Sultanate of Oman berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah Foreign Minister, Tuan Yang Terutama Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman berkenan berbual mesra.

Sementara menandatangani Agreement between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Sultanate of Oman on Mutual Visa Exemption for Holders of Diplomatic, Official, Special and Service Passports berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah TYT Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi.

>> Muka 8







PENANDATANGANAN lima Perjanjian dan MoU antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Kesultanan Oman (gambar-gambar di atas).

PELITA BRUNEI





SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ke majlis berkenaan (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 7

Manakala menandatangani Memorandum of Understanding between the Ministry of Home Affairs of Brunei Darussalam and the Ministry of Labour of the Sultanate of Oman in the Fields of Labour and Human Resources Development berkenaan bagi pihak Kerajaan DYMM ialah Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sementara bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah TYT Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi.

Seterusnya menandatangani Memorandum of Understanding between the Ministry of Health of Brunei Darussalam and the Ministry of Health of the Sultanate of Oman in the Field of Health Cooperation berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah TYT Sayyid Badr bin Hamad bin Hamood Albusaidi.

Menandatangani Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Sultanate of Oman on Cooperation in the Fields of Agriculture and Fisheries berkenaan bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah Minister of Commerce, Industry and Investment Promotion of Oman, Tuan Yang Terutama Anwar bin Hilal bin Hamdoon Al Jabri.

Dan terakhir ialah menandatangani Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of the Sultanate of Oman in the Fields of Economy and Strategic Planning tersebut bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf, manakala bagi pihak Kerajaan Kesultanan Oman ialah TYT Anwar bin Hilal bin Hamdoon Al Jabri.

NBD KOMITED PERKUKUH KERJASAMA DENGAN KESULTANAN OMAN, NEGARA GCC

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan mengadakan Majlis Mesyuarat Dua Hala bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman, bertempat di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik serta rombongan yang mana Keberangkatan Negara yang bersejarah ini, menandakan keberangkatan pertama Sultan Oman, dan menyentuh hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara sekian lama terjalin melebihi empat dekad.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Mesyuarat Dua Hala bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman,Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Kebawah DYMM bertitah turut menzahirkan penghargaan atas sumbangan peribadi Kebawah DYMM Sultan Oman dalam mengukuhkan persahabatan erat antara kedua-dua buah negara, termasuk melalui Mesyuarat Perundingan Dua Hala, yang memudah cara kerjasama praktikal serta penubuhan Oman-Brunei Investment Company (OBIC).

Baginda seterusnya bertitah menyambut baik peningkatan hubungan dua hala kepada 'Strategic Partnership', serta kemajuan berterusan dalam hubungan ASEAN-GCC, dan menegaskan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk bekerjasama rapat dengan Kesultanan Oman dan rakan-rakan GCC yang lain dalam bidang - bidang kepentingan bersama, seperti perdagangan, perubahan iklim, dan inovasi digital.

Kebawah DYMM dalam titah juga menekankan pentingnya memelihara kebebasan pelayaran melalui Selat Hormuz selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982, sambil menzahirkan kebimbangan terhadap ketegangan di Timur Tengah serta kesannya kepada orang awam dan infrastruktur.

Baginda selanjutnya bertitah turut memuji usaha pengantaraan Kesultanan Oman di bawah kepimpinan Kebawah DYMM Sultan Oman, serta memperakui kepentingan dialog dan diplomasi yang berterusan dalam menangani ketegangan serantau demi memupuk keamanan dan kestabilan.

Dalam titah Kebawah DYMM turut menyentuh isu Palestin kekal sebagai teras utama dalam mencapai keamanan yang berkekalan di Timur Tengah dan mengesahkan sokongan NBD terhadap rakyat Palestin dan penubuhan sebuah Negara Palestin yang merdeka melalui *two-state solution*, berdasarkan sempadan sebelum 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya.

Sementara itu, Kebawah DYMM Sultan Oman dalam titah turut menyatakan kepuasan yang amat tinggi terhadap perkembangan hubungan ekonomi dan pelaburan antara NBD dan Kesultanan Oman seperti OBIC.

Kebawah DYMM Sultan Oman seterusnya bertitah berharap syarikat tersebut akan merebut dan meneroka peluang-peluang pelaburan baharu dalam pelbagai sektor di kedua-dua buah negara.

Baginda seterusnya menghargai minat Kebawah DYMM dan usaha Kerajaan Kebawah DYMM dalam membangunkan perkongsian ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM Sultan Oman juga bertitah menegaskan Kesultanan Oman komited untuk meningkatkan hasil bukan minyaknya dan melihat NBD sebagai pintu masuk strategik ke pasaran Asia yang lebih luas. Begitu juga, NBD boleh memperoleh manfaat daripada kedudukan unik Kesultanan Oman sebagai hab yang menghubungkan Teluk, Timur Tengah dan Afrika, mewujudkan aliran barangan dan kepakaran yang lancar antara kedua-dua buah wilayah.

Kebawah DYMM Sultan Oman seterusnya bertitah menantikan prospek dan perkongsian yang memberangsangkan dalam bidang minyak, gas, tenaga boleh diperbaharui, keselamatan makanan, pengangkutan maritim dan logistik serta sektor-sektor lain, seterusnya menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi di kedua-dua buah negara. Di samping itu, terdapat potensi yang besar untuk kerjasama dalam inovasi, teknologi, pendidikan dan keusahawanan.

Kedua-dua pemimpin seterusnya bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman bersama rombongan pada Majlis Mesyuarat Dua Hala berkenaan.

BERKENAN MENERIMA PENGANUGERAHAN 'ORDER OF AL-SAID'





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman (kiri), manakala gambar atas, kedua-dua pemimpin beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Terdahulu, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman dari The Empire Brunei menuju ke Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke The Empire Brunei bagi menjunjung Kebawah DYMM Sultan Oman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring.

Di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, Kebawah DYMM Sultan Oman disambut dengan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh para penuntut dan guru-guru daripada beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.





KEBAWAH DYMM Sultan Oman disembahkenalkan kepada kerabat diraja (atas sekali tengah, atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, 21 das tembakan meriam dilepaskan. Manakala gambar bawah tengah dan bawah kanan, pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh para penuntut dan guru-guru daripada beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta.



Majlis Sambutan Kenegaraan berlangsung di pekarangan Istana Nurul Iman, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah DYMM Sultan Oman menaiki Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara serta 21 das tembakan meriam.

Kedua - dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah DYMM Sultan Oman kemudiannya disembahkenalkan kepada kerabat diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan - timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Ketua-ketua Perwakilan Asing; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha - setiausaha Tetap daripada JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya disembahkenalkan kepada ahli-ahli rombongan rasmi Kesultanan Oman.

Selesai Majlis Sambutan Kenegaraan, Kebawah DYMM berangkat bersama Kebawah DYMM Sultan Oman ke Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap.







>> Muka 10

PELITA BRUNEI





MAJLIS Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam 'Darjah Kerabat Mahkota Brunei' (D.K.M.B) yang dipersembahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman. Kebawah DYMM Sultan Oman juga berkenan mempersembahkan Bintang Kebesaran 'Order of Al-Said' Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).





KEBAWAH DYMM berkenan menerima mengadap Kebawah DYMM Sultan Oman di Cheradi Laila Kenchana (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, Kebawah DYMM dan kerabat diraja menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

>> Muka 9

Berangkat sama ke Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador - at - Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Turut berangkat mengiringi Kebawah DYMM Sultan Oman ialah His Highness Sayyid Shihab bin Tarik Al Said, Deputy Prime Minister for Defence Affairs.

Majlis Mengadap tersebut diikuti dengan Majlis Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam 'Darjah Kerabat Mahkota Brunei' (D.K.M.B) yang dipersembahkan oleh Kebawah DYMM Kehadapan Majlis Kebawah DYMM Sultan Oman. Kebawah DYMM Sultan Oman juga berkenan mempersembahkan Bintang Kebesaran 'Order of Al-Said' Kehadapan Majlis Kebawah DYMM.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah rombongan rasmi Kesultanan Oman dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Pengiring.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN OMAN BERANGKAT TIBA DI NBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan yang mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Turut berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selaku Kerabat Pengiring.

Berangkat mengiringi Kebawah





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman serta rombongan yang mengadakan Keberangkatan Negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Muhammad Asri Awang Haji Abas

Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman ialah His Highness Sayyid Shihab bin Tariq Al Said, Deputy Prime Minister for Defence Affairs.

Turut hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Kebawah DYMM Sultan Oman ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Kesultanan Oman, Puan Yang Terutama Hajah Noralizan binti Abdul Momin.

Ini merupakan Keberangkatan Negara pertama Kebawah DYMM Sultan Oman ke NBD setelah menaiki takhta sebagai Sultan Oman pada tahun 2020.

DYTM berkenan menerima mengadap

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Janbaz Khan (atas dan kiri).


BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Janbaz Khan, yang akan menamatkan perkhidmatan.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Izzah.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen merakamkan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Janbaz Khan atas sumbangan Tuan Yang Terutama dalam mengeratkan lagi jalinan persahabatan yang sekian lama terjalin di antara NBD dan Republik Islam Pakistan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan TYT, kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang terus dipertingkatkan termasuk pertahanan, pendidikan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat.

TYT telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 April 2025.



PELITA BRUNEI

DOA KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HPPPN KE-16

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JUNJONGAN, Isnin, 2 November. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) petang tadi mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Membaca Doa Kesyukuran serta diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) Kali Ke-16 Tahun 2026, bertempat di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

HPPPN berkenaan telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 pada 19 November 2009 bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampung Tungku.

Dengan pengisytiharan itu, HPPPN telah disambut pada setiap 1 November setiap tahun bagi mengiktiraf dan mengenang jasa-jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini.

Hadir ialah Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah KEPI.

Juga hadir, peladang-peladang, petani - petani, penternak - penternak dan nelayan-nelayan serta pengusaha-pengusaha agrimakanan di seluruh negara.







YANG Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir pada majlis tersebut (atas kiri). Manakala gambar atas dan kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan bertempat di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.



Penyakit kardiovaskular : Ancaman kesihatan dalam masyarakat

PENYAKIT kardiovaskular, termasuk penyakit jantung dan strok, merupakan antara masalah kesihatan yang boleh menjejaskan kualiti hidup. Kesannya bukan sahaja dialami oleh pesakit, malah turut dirasai oleh ahli keluarga yang memberikan sokongan sepanjang tempoh rawatan. Oleh itu, usaha pencegahan perlu dimulakan sebelum keadaan kesihatan menjadi lebih serius.

Dalam konteks Brunei Darussalam, isu ini diteliti melalui kajian terhadap 1,375 orang pekerja tempatan berumur 40 hingga 60 tahun. Kajian tersebut melaporkan bahawa 49 peratus peserta mengalami tekanan darah tinggi. Dapatan ini memberikan gambaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan kardiovaskular dalam kalangan pekerja tempatan. Pemeriksaan kesihatan secara berkala dapat membantu mengesan masalah kesihatan lebih awal, serta membolehkan langkah pencegahan dan rawatan diambil dengan sewajarnya.

Selain kesihatan fizikal, kesejahteraan mental turut penting dalam penjagaan jantung. Perubahan gaya hidup, keterbatasan aktiviti harian dan kebimbangan terhadap keadaan kesihatan boleh menimbulkan tekanan emosi kepada pesakit. Kajian di Malaysia yang melibatkan 6,599 peserta turut mendapati bahawa gejala kemurungan dikaitkan dengan peningkatan skor risiko kardiovaskular. Oleh itu, penjagaan kesihatan perlu merangkumi aspek fizikal dan mental bagi menyokong rawatan serta meningkatkan kualiti hidup pesakit.

Langkah pencegahan boleh dimulakan melalui perubahan gaya hidup yang sederhana, seperti berjalan kaki, melakukan aktiviti fizikal secara konsisten, memilih makanan yang seimbang, mengurangkan pengambilan garam dan lemak serta mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Perubahan yang berterusan dapat membantu mengawal faktor risiko dan memelihara kesihatan dalam jangka panjang.

Dalam Islam, tubuh badan merupakan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dijaga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "*Sesungguhnya tubuhmu mempunyai hak ke atasmu*" (Riwayat al-Bukhari). Hadis ini mengingatkan bahawa prinsip penjagaan diri, rehat yang mencukupi dan usaha mendapatkan rawatan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab terhadap kesihatan.

Kesimpulannya, penjagaan jantung perlu dijadikan amalan harian, bukan hanya apabila gejala penyakit muncul. Kesedaran, pemeriksaan berkala dan gaya hidup sihat merupakan langkah penting untuk mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular serta memelihara kesejahteraan masyarakat.

Nama : Mohamad Elmy Maswandi bin Suhaimi
No. K/P : 01-095XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Kebakaran Hutan: Ancaman kepada Kehidupan Manusia dan Haiwan'.** Tarikh Tutup **: 4 November 2026**
2.**'Pengurusan Emosi dalam Kalangan Remaja'.** Tarikh Tutup **: 11 November 2026**
3.**'Tahap Kesediaan Belia Memasuki Alam Pekerjaan'.** Tarikh Tutup **: 18 November 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

AMAF TEKANKAN PENGUKUHAN PENGELUARAN DOMESTIK, KETERHUBUNGAN PERDAGANGAN SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri





YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN Ke-48 (48th ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry-AMAF Ke-48) yang berlangsung di Republik Singapura pada 29 Oktober 2026 (atas dan kiri).

>> Muka 1

Dalam mesyuarat berkenaan, termasuk Mesyuarat AMAF Plus Three Ke-26 serta Sidang Kemuncak Agri-Makanan (Asia Pasifik Asia-pacific Agri-Food Summit), NBD menegaskan semula komitmennya terhadap keterjaminan makanan serantau, daya tahan serta pembangunan sektor pertanian yang mampan.

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, NBD turut mengetengahkan hala tuju strategik NBD ke arah menjadi negara pengeksport bersih produk agri-makanan dan akuakultur melalui penerapan teknologi pertanian moden serta pengukuhan kerjasama perdagangan bagi memastikan sektor berkenaan lebih mampan, inklusif dan terjamin.

Mesyuarat AMAF Ke-48 telah menerima pakai Kenyataan AMAF dan Pelan Pelaksanaan bagi Pertanian Regeneratif dan Berdaya Tahan, yang bertujuan memulihkan kesihatan tanah, mengurangkan pelepasan karbon serta memperluas amalan pertanian pintar iklim.

Usaha berkenaan turut diperkukuh melalui kerjasama dengan badan-badan antarabangsa, termasuk Asian Development Bank (ADB), US-ASEAN Business Council (USABC) dan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA).

NBD menyokong sepenuhnya peralihan berkenaan dengan memberikan komitmen untuk menyumbang sebanyak 50,000 batang pokok kepada Inisiatif Penanaman Satu Bilion Pokok ASEAN (ASEAN's One Billion Trees Growing Initiative), sebagai sebahagian daripada sasaran negara untuk menanam sebanyak 500,000 batang pokok menjelang 2035.

Di samping itu, NBD turut menegaskan semula komitmennya terhadap Ekonomi Biru melalui kerangka Resolution and Plan of Action on Sustainable Fisheries for Food Security for the ASEAN Region Towards 2030 (RES&POA-2030), termasuk memperkukuh langkah-langkah biosekuriti dan sistem kebolehkesanan bagi pengusaha kecil.

Dari aspek hubungan dua hala, Yang Berhormat mengiktiraf kerjasama erat yang telah sekian lama terjalin antara NBD dan Republik Singapura, termasuk usaha memajukan Joint Agri-Tech Food Zone serta memanfaatkan Memorandum Persefahaman (MoU) terkini mengenai Daya Tahan Rantaian Bekalan bagi memastikan kelancaran aliran barangan di bawah ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) yang telah dipertingkatkan.

Perbincangan di peringkat menteri turut memperkukuh perpaduan antara ASEAN dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Mesyuarat AMAF Plus Three Ke-26 memberi keutamaan kepada kesiapsiagaan menghadapi kecemasan, inovasi digital serta penerapan teknologi secara lebih meluas.

Para menteri turut memuji peranan ASEAN Plus Three Emergency Rice Reserve (APTERR) yang telah mengagihkan sebanyak 15,405 tan metrik beras kecemasan kepada dua juta penduduk di seluruh Negara-negara Anggota ASEAN (AMS).

Di luar rangkaian mesyuarat berkenaan, Yang Berhormat turut menyertai Asia- Pacific Agri-Food Summit 2026 sebagai penceramah peringkat tinggi. Sidang kemuncak berkenaan diadakan bersempena dengan Singapore International Agri-Food Week (SIAW).

Yang Berhormat dalam ucapannya, menekankan peningkatan tekanan ekonomi, geopolitik dan perubahan iklim yang menjejaskan sistem makanan, serta keperluan bagi NBD untuk memanfaatkan peluang serantau melalui pengukuhan pengeluaran domestik dan keterhubungan perdagangan.

Seterusnya Yang Berhormat turut menegaskan bahawa daya tahan keterjaminan makanan yang berpanjangan memerlukan tindakan secara kolektif, kerjasama yang lebih kukuh, perdagangan yang boleh dipercayai serta pelaburan berterusan dalam pengeluaran domestik bagi menjadikan cabaran bersama sebagai kekuatan serantau dalam jangka panjang.

Ke arah membina ekonomi Asia-Pasifik berdaya tahan, inklusif

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa menerima Laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) bagi Tahun 2026.

>> Muka 1

Mengangkat tema 'Openness, Connectivity and Synergy' (Keterbukaan, Kesalinghubungan dan Sinergi), laporan bagi tahun 2026 berkenaan menggariskan beberapa syor yang diterajui oleh sektor perniagaan bagi memperkukuh integrasi serantau, memanfaatkan inovasi digital serta memajukan pertumbuhan mampan dan inklusif di seluruh rantau Asia-Pasifik.

Laporan tersebut menekankan kepentingan keterbukaan dalam perdagangan dan pelaburan, termasuk kemajuan ke arah pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik serta pembaharuan bagi memastikan perdagangan yang telus, boleh dijangka dan berasaskan peraturan.

Selain itu, laporan berkenaan turut mengetengahkan kesalinghubungan sebagai pemacu daya tahan, dengan menyeru kepada pengukuhan rangkaian pengangkutan dan logistik, perdagangan tanpa kertas serta sistem pembayaran digital yang saling beroperasi.

Sementara itu, aspek sinergi antara teknologi, kemampanan dan pembangunan insan turut diberikan penekanan, bermula daripada memperkasa inovasi Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi kuantum hinggalah kepada memajukan penjagaan kesihatan, peralihan tenaga dan daya tahan iklim.

Pengiran Aki Ismasufian dalam kenyataannya menjelaskan, laporan ABAC 2026 mencerminkan komitmen bersama merela dalam membina ekonomi Asia-Pasifik yang lebih saling berhubung, berdaya tahan dan inklusif.

"Bagi Negara Brunei Darussalam, laporan ini menyediakan wadah penting untuk memajukan keutamaan yang amat relevan dengan agenda pembangunan negara, termasuk kepelbagaian ekonomi, kewangan mampan, transformasi digital dan kesalinghubungan serantau yang lebih kukuh.

"Penyerahan laporan ini kepada Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri merupakan peluang penting untuk memperkukuh kerjasama antara sektor awam dan swasta.

"Dengan menterjemahkan syor-syor ABAC kepada inisiatif praktikal dan kerjasama yang bermakna, kita dapat membuka peluang baharu bagi perniagaan di Brunei, meningkatkan daya saing serantau serta menyumbang ke arah Asia-Pasifik yang lebih makmur dan mampan".

Sementara itu, Awang Hafriz Fayyadh dalam kenyataannya pula berkata, sebagai wakil komuniti perniagaan Brunei di ABAC, beliau percaya bahawa keterbukaan, kesalinghubungan dan sinergi merupakan tonggak penting dalam membina ekonomi Asia-Pasifik yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing.

"Bagi Negara Brunei Darussalam, keutamaan ini membuka peluang untuk memperkukuh kerjasama ekonomi serantau, memperluas perdagangan dan pelaburan rentas sempadan serta membolehkan perniagaan tempatan mengambil bahagian secara lebih aktif dalam rantaian nilai serantau yang terus berkembang.

"Paling penting, penglibatan kita di ABAC tidak seharusnya terhad kepada dialog dan mesyuarat semata-mata. Kami sedang giat berusaha untuk menterjemahkan sebahagian daripada penglibatan serantau ini kepada inisiatif nyata di Negara Brunei Darussalam, termasuk satu inisiatif yang kini sedang dibangunkan dengan hasrat untuk dilaksanakan di negara ini pada tahun hadapan.

"Kami berharap inisiatifini akan mewujudkan peluang ekonomi yang bermakna bagi negara serta membuktikan bagaimana kerjasama perniagaan antarabangsa mampu menghasilkan manfaat praktikal di peringkat tempatan.

"Matlamat akhirnya, melalui kerjasama yang lebih erat antara kerajaan dan sektor swasta, adalah untuk memastikan bahawa Brunei bukan sekadar mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi serantau, malah turut memainkan peranan aktif dalam mencorakkannya serta merebut peluang yang diwujudkan".

Syor - syor berkenaan seterusnya akan dibentangkan secara rasmi kepada Pemimpin-pemimpin Ekonomi APEC semasa Dialog ABAC bersama Pemimpin-pemimpin di Shenzhen, Republik Rakyat China, pada November 2026.

Pembentangan itu sekali gus mengukuhkan komitmen ABAC dalam membentuk ekonomi Asia-Pasifik yang terbuka, saling berhubung dan bersinergi.

PELITA BRUNEI

MAJLIS RESEPSI PERPISAHAN HARGAI JASA, SUMBANGAN SEPANJANG PERKHIDMATAN

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Kedutaan Republik Türkiye di Negara Brunei Darussalam





PESURUHJAYA Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy hadir pada Majlis Resepsi Minum Petang (Hi-Tea) Perpisahan yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun (atas dan kiri).

GADONG, Selasa, 3 November. - Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan yang akan menamatkan perkhidmatannya ke negara ini telah diraikan pada Majlis Resepsi Minum Petang (Hi-Tea) Perpisahan.

Majlis berkenaan telah diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.

Menurut Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy selaku Dekan Kor Diplomatik, menyatakan majlis yang dianjurkan oleh Kor Diplomatik berkenaan adalah untuk menghargai dan mengenang sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di negara ini.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan turut menyampaikan ucapan ringkas perpisahan kepada masyarakat, di samping mengimbas kembali pengalaman Tuan Yang Terutama sepanjang berada di NBD.

TYT juga merakamkan penghargaan atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan TYT di negara ini.

AUN-UIE perluas peluang inovasi, pembangunan keusahawanan serantau

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi dan Perdagangan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian berkenaan (atas dan kanan).

TUNGKU LINK, Selasa, 3 November. – Universiti-universiti pada masa ini bukan sahaja berperanan dalam memberikan pendidikan kepada para pelajar dan menghasilkan penyelidikan, malah turut dipertanggungjawabkan untuk menterjemahkan ilmu pengetahuan kepada penyelesaian praktikal, melahirkan bakat keusahawanan, mewujudkan peluang ekonomi serta memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri, semasa menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-7 ASEAN University Network – University Innovation and Enterprise (AUN-UIE) 2026 yang berlangsung di Dewan Laila Hasrat, Bangunan Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD, pagi tadi.

Menurutnya, universiti-universiti di rantau ASEAN mempunyai kekuatan, pengalaman dan sumber yang berbeza, termasuk institusi yang telah mempunyai ekosistem inovasi dan pengkomersialan yang mantap serta institusi yang masih dalam proses membangunkan keupayaan masing-masing.

Walau bagaimanapun katanya, perbezaan berkenaan bukan satu kekangan, sebaliknya merupakan peluang untuk memperkukuh kerjasama dan mewujudkan potensi baharu melalui perkongsian kepakaran serta sumber antara universiti.

Beliau turut menekankan bahawa AUN-UIE menyediakan platform penting bagi merealisasikan kerjasama berkenaan, khususnya dalam memperluas peluang inovasi dan pembangunan keusahawanan di peringkat serantau.

Sejak Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya yang dihoskan oleh Singapore Management University di Republik Singapura katanya lagi, rangkaian berkenaan terus mencatatkan kemajuan melalui pelaksanaan tiga siri webinar yang membolehkan institusi-institusi peserta berkongsi pengalaman, amalan terbaik dan pandangan dalam bidang inovasi serta pembangunan perusahaan universiti.

Hasil daripada perkongsian berkenaan jelasnya, tiga buah *playbook* telah dihasilkan, masing - masing merangkumi Pemindahan Teknologi dan Pengkomersialan (Technology Transfer and Commercialisation); Pembiayaan dan Pelaburan (Funding and Investment); serta Inkubasi dan Pembangunan Syarikat Pemula (Incubation and Startup Development).

Tambahnya, penerbitan ketiga-tiga *playbook* berkenaan merupakan satu pencapaian penting bagi AUN-UIE kerana menghimpunkan pengetahuan dan pengalaman kolektif universiti ahli ke dalam bahan rujukan praktikal yang dapat dimanfaatkan oleh institusi pada pelbagai peringkat pembangunan ekosistem inovasi masing-masing.

Inisiatif berkenaan juga mencerminkan komitmen rangkaian berkenaan untuk melangkaui perkongsian idea, seterusnya menghasilkan sumber dan panduan yang memberikan manfaat kepada semua universiti ahli.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian berkenaan, Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Perdagangan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan perasmian Mesyuarat Agung Tahunan AUN-UIE 2026 oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut disusuli dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan seterusnya sesi bergambar ramai.

Pada sebelah petang pula, para peserta turut berpeluang membincangkan dengan lebih lanjut kandungan *playbook* berkenaan menerusi sesi pembentangan dan perbincangan kumpulan kecil yang dibahagikan kepada tiga bidang tematik.

Perbincangan berkenaan diharap dapat membantu menambah baik kandungan *playbook* berkenaan, di samping mengenal pasti peluang kerjasama praktikal yang boleh dilaksanakan bersama oleh universiti-universiti yang terlibat.

JPMC TEROKA POTENSI KERJASAMA PENJAGAAN KESIHATAN SERANTAU

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. – Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) baru-baru ini telah menerima kunjungan wakil dari Siloam Hospitals Group, Republik Indonesia bagi meneroka potensi kerjasama dalam bidang penjagaan pesakit serantau, diagnosis dan rawatan, di samping memperkenalkan perkhidmatan penjagaan pakar yang disediakan oleh JPMC di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kunjungan berkenaan susulan penglibatan JPMC bersama sebuah hospital Siloam di Balikpapan pada awal tahun ini.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha JPMC dalam bidang pelancongan perubatan bagi membina hubungan dengan penyedia perkhidmatan kesihatan serantau.

Pemahaman terhadap keupayaan dan kepakaran masing-masing menjadi asas untuk mengenal pasti bidang perkhidmatan yang boleh saling melengkapi serta peluang kerjasama pada masa hadapan.

Delegasi berkenaan terdiri daripada Head of Referral, Martinus Jarman; dan International Referral from Siloam's Head Office in Karawaci, Republik Indonesia, Riza Dalem.

Ketibaan delegasi dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Operasi JPMC, Neelakannan Periyasamy; Pengarah Perkhidmatan Perubatan Am, Dr. Haji Muhd. Hiza Wardy bin Haji Abd. Halim; Dr. Dayangku Norazieda binti Pengiran Haji Mohd. Yassin; serta pegawai-pegawai kanan JPMC yang lain.

Turut menyambut delegasi berkenaan semasa lawatan ke kemudahan JPMC, Pakar Perunding Onkologi Radiasi, Dr. Jacob Samuel Justin; Pakar Perunding Perubatan Nuklear, Dr. Hamid Naseer; dan Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi, Dr. Lee Chooi Lynn, yang masing-masing memperkenalkan jabatan mereka.

Perbincangan tertumpu kepada penerokaan bidang-bidang yang berpotensi bagi kerjasama rujukan pesakit. Kunjungan berkenaan masih pada peringkat pengenalan, yang memberi peluang kepada kedua-dua organisasi untuk saling mengenali dengan lebih dekat serta mempertimbangkan kemungkinan bagi perbincangan lanjut.

Ketua Unit Perhubungan Pesakit Antarabangsa JPMC, Wendy Chok, berkata bahawa usaha membangunkan hubungan penjagaan kesihatan serantau bermula dengan memahami perkhidmatan yang dapat ditawarkan oleh setiap penyedia perkhidmatan.

"Antara aspek penting dalam usaha ini ialah membantu penyedia perkhidmatan kesihatan di rantau ini memahami perkhidmatan penjagaan pakar yang tersedia di Brunei, di samping mempelajari perkhidmatan dan perspektif mereka.

"Susulan lawatan kami ke Balikpapan, pertukaran ini memberikan peluang kepada pasukan Siloam untuk melihat sendiri kemudahan JPMC dan memahami dengan lebih dekat keupayaan kami," ujarnya lagi.

Wendy Chok seterusnya berkata walaupun usaha berkenaan masih pada peringkat penerokaan, pemahaman bersama tersebut menjadi asas untuk mempertimbangkan bidang kerjasama pada masa hadapan yang dapat memberikan manfaat kepada pesakit.

Lawatan berkenaan meliputi kemudahan perubatan rehabilitasi, neurosains, perubatan nuklear dan radioterapi, sekali gus memberikan gambaran lebih dekat kepada delegasi mengenai perkhidmatan yang diperkenalkan semasa perbincangan berkenaan.

Bagi JPMC, usaha menjalin hubungan dengan pihak serantau memberi peluang untuk membina hubungan profesional serta meneroka bagaimana perkhidmatannya dapat menyumbang kepada penjagaan kesihatan di rantau ini.

Pertukaran kunjungan pada peringkat pengenalan berkenaan turut menyokong usaha asas dalam memajukan pelancongan perubatan dengan meningkatkan pemahaman penyedia perkhidmatan kesihatan serantau mengenai keupayaan penjagaan kesihatan pakar di NBD.





SUASANA pada majlis menerima kunjungan wakil dari Siloam Hospitals Group, Republik Indonesia yang diadakan di Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) (atas, kiri dan bawah).

Alai Pintar

SOALAN 184

SOALAN 3 NOVEMBER 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Jika Hussain mempunyai 25 biji guli dan memberikan 9 biji kepada kawannya, berapa bijikah guli yang tinggal?
   a) 16
   b) 17
   c) 18

2. Apakah maksud simpulan bahasa bagi 'Cakar Ayam'?
   a) Kaki ayam
   b) Tulisan yang buruk
   c) Tulisan yang cantik

3. Manakah antara haiwan di bawah mempunyai tanduk?
   a) Harimau
   b) Arnab
   c) Kerbau

TARIKH TUTUP : 14 NOVEMBER 2026

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau e-mel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....
Tarikh Lahir : .....
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....
Sekolah : .....
Tahun : .....
Alamat : .....
.....
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

JAWAPAN SOALAN 183 : S1 B S2 A S3 A

HADIAH PEMENANG

3X BAUCER BND 40 BAGI ALAI YANG MENJAWAP DENGAN TEPAT

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

PEMENANG ALAI PINTAR :

Nama : ***Muhammad Faiq bin Alwardy***
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ***0141125-01***. Sekolah : ***Sekolah Rendah Tentera Laut***
Nama : ***Mohd. Harith bin Md. Hasnali***
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ***0127891-01***. ***Sekolah : Sekolah Rendah Rimba I***
Nama : ***Ak. Shakeel Rayyan bin Pg. Md. Sahlan***
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ***0154294-01***. Sekolah : ***Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri***

دعاء مموهن كڤد اللّه سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سكل جنيس ڤياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

(صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

ذكر بجاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
كڤد ڤڠملڽ (تولق بلاء)

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(3)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

Bolehkah Melakukan Umrah Berulang Kali Dalam Satu Hari?



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BERANGKAT ke Tanah Haram Makkah untuk menunaikan ibadah haji atau ibadah umrah merupakan impian setiap muslim. Namun, impian tersebut bukanlah sesuatu yang mudah dicapai kerana perjalanan ke Tanah Haram memerlukan pengorbanan yang besar dari segi harta, masa dan tenaga. Oleh kerana itu, tidak sedikit jemaah haji atau umrah berusaha memanfaatkan setiap detik peluang yang mereka ada ketika berada di Tanah Haram dengan memperbanyak ibadah seperti mengerjakan sembahyang sunat dan tawaf sunat serta memperbanyak amal salih seperti bersedekah dan berwakaf. Amal ibadah dan amal salih yang dilakukan di Tanah Haram mempunyai ganjaran yang amat besar.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Jabir *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *(Satu) sembahyang di masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih afdhal daripada 1000 sembahyang di (masjid) selainnya, melainkan Masjid Haram. Dan (satu) sembahyang di Masjidil Haram itu lebih afdhal daripada 100,000 sembahyang di (masjid) selainnya.*

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Dalam sebuah hadits yang lain pula, Abu ad-Darda' *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *Kelebihan sembahyang di Masjidil Haram ke atas (masjid-masjid) selainnya ialah 100,000 (kali ganda pahala) sembahyang, dan (kelebihan sembahyang) di masjidku (Masjid Nabawi) ialah 1000 (kali ganda) sembahyang (berbanding masjid-masjid selainnya), dan (kelebihan sembahyang) di Masjid Baitulmaqdis (Masjidil Aqsha) ialah 500 (kali ganda) sembahyang (berbanding masjid-masjid selainnya).*

(Hadits riwayat al-Bazzar)

Selain memperbanyak sembahyang sunat, tawaf sunat dan membaca al-Qur'an, terdapat juga sebahagian jemaah yang memilih untuk memperbanyak umrah sepanjang tempoh mereka berada di Tanah Haram. Dengan adanya kemudahan pengangkutan keluar ke miqat dari Tanah Haram untuk berniat ihram memudahkan lagi para jemaah melakukan ibadah umrah berulang kali selama tempoh dia berada di Makkah. Sehinggakan ada juga yang umrah berulang kali dalam satu hari.

Dalam hal ini, sebahagian orang berpendapat bahawa sekalipun sunat memperbanyak umrah namun ia tidak dikerjakan berulang kali dalam satu hari dan ada juga yang berpendapat bahawa tidak dilarang melakukan umrah berulang kali dalam satu hari. Apakah pandangan syara' mengenai perkara ini? Berikut penjelasan mengenainya.

Sebagaimana yang diketahui ibadah umrah adalah antara amalan paling utama selain ibadah haji. Menurut pendapat al-azhhar, hukum mengerjakan umrah adalah wajib sekali seumur hidup, berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : *Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah semata-mata.*

(Surah al-Baqarah : 196)

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* menyifatkan umrah sebagai satu bentuk jihad bagi wanita sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada 'A'isyah *Radhiallahu 'anha*, katanya :

Maksudnya : *Ya Rasulullah, adakah ke atas perempuan jihad? Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda : "Ya, ke atas mereka jihad yang tiada melibatkan peperangan (iaitu) haji dan umrah.*

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Ibadah umrah juga dianjurkan untuk dilakukan beriringan dengan ibadah haji sebagaimana disebut dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *Lakukan secara beriringan antara haji dan umrah, sesungguhnya kedua-duanya menghapuskan kefakiran dan dosa sebagaimana alat peniup api menghapuskan kekotoran besi, emas dan perak. Dan tidak (ada balasan) bagi haji mabrur melainkan syurga.*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Walaupun ibadah umrah hanya wajib dikerjakan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan akan tetapi memperbanyak mengerjakan umrah adalah sunat kerana ia boleh menghapuskan dosa-dosa yang berlaku antara dua umrah sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : *(Satu) umrah ke (satu) umrah adalah kaffarah (penghapus dosa-dosa) antara kedua-duanya (dua umrah).*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah menyebut :

Ertinya : *Dan tidak wajib (melakukan) umrah melainkan sekali sahaja sebagaimana haji. Akan tetapi disunatkan memperbanyaknya (umrah) lebih-lebih lagi pada bulan Ramadhan.*

Menurut beliau lagi, melakukan umrah berulang kali dalam setahun itu adalah sunat sebagaimana disebutkan dalam kitabnya al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab, katanya :

Ertinya : *(Cabang permasalahan) pendapat mazhab mereka tentang (hukum) melakukan umrah berulang kali dalam setahun. Mazhab kami (asy-Syafi'i) bahawa sesungguhnya tidak makruh demikian (berulang-ulang melakukan umrah dalam setahun), bahkan sunat (hukumnya).*

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya ke atas Syarh al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah membawakan perkataan Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* :

Ertinya : *Aku menyukai seseorang yang tidak sampai kepadanya tempoh satu tahun melainkan dia menunaikan umrah di dalamnya (tahun itu). Dan jika dia mampu untuk melakukan umrah dua atau tiga kali dalam sebulan, aku lebih menyukai baginya yang demikian itu.*

Khusus mengenai hukum melakukan umrah berulang kali dalam satu hari pula, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Minhaj al-Qawim menjelaskan bahawa memperbanyak ibadah umrah adalah sunat sekalipun ia dilakukan berulang kali dalam hari yang sama, katanya :

Ertinya : *Dan disunatkan memperbanyak umrah walaupun (beberapa kali) dalam satu hari kerana ia lebih utama dari tawaf (sunat) menurut pendapat yang muktamad.*

Berdasarkan penjelasan di atas, memperbanyak melakukan umrah walaupun dilakukan berulang kali dalam satu hari adalah amalan yang disunatkan oleh syara' kerana ia lebih utama dari tawaf sunat.

LAKUKAN secara beriringan antara haji dan umrah, sesungguhnya kedua-duanya menghapuskan kefakiran dan dosa sebagaimana alat peniup api menghapuskan kekotoran besi, emas dan perak. Dan tidak (ada balasan) bagi haji mabrur melainkan syurga.
(Hadits riwayat at-Tirmidzi)
Walaupun ibadah umrah hanya wajib dikerjakan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan akan tetapi memperbanyak mengerjakan umrah adalah sunat kerana ia boleh menghapuskan dosa-dosa yang berlaku antara dua umrah sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu,
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda :
Maksudnya : (Satu) umrah ke (satu) umrah adalah kaffarah (penghapus dosa-dosa) antara kedua-duanya (dua umrah).
(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Riadah dan kesihatan : Nikmat Allah yang perlu dijaga

KESIHATAN merupakan antara nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat berharga dalam kehidupan manusia. Tubuh badan yang sihat membolehkan kita beribadah, bekerja, menuntut ilmu dan melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga serta masyarakat dengan lebih baik. Salah satu cara untuk menjaga nikmat kesihatan ialah dengan melakukan aktiviti riadah secara teratur. Dalam Islam, umatnya digalakkan menjaga kekuatan dan kesihatan diri agar dapat menjalani kehidupan dengan aktif, seimbang dan bermanfaat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Baqarah, ayat 195 yang terjemahan makna ayatnya :

"…Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan..."

Ayat ini mengingatkan kita supaya tidak mengabaikan diri sehingga mendatangkan kemudaratan. Oleh itu, menjaga kesihatan melalui pemakanan yang baik, rehat yang mencukupi dan aktiviti fizikal merupakan antara usaha yang boleh dilakukan dalam menghargai tubuh badan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Riadah seperti berjalan kaki, berjoging, berenang, berbasikal dan melakukan pelbagai aktiviti sukan dapat membantu meningkatkan kecergasan serta membina disiplin diri. Selain menyihatkan tubuh badan, riadah juga dapat menyegarkan fikiran dan membantu mengurangkan tekanan. Ini adalah kerana kehidupan moden yang dipenuhi dengan tuntutan pekerjaan, pelajaran dan urusan harian kadangkala menyebabkan seseorang berasa letih dan tertekan. Justeru aktiviti fizikal yang dilakukan secara sederhana dan konsisten dapat menjadi ruang untuk merehatkan minda serta mengembalikan tenaga. Apabila tubuh dan fikiran berada dalam keadaan yang baik, seseorang juga dapat melaksanakan ibadah dan tanggungjawab hariannya dengan lebih sempurna.

Riadah turut menjadi medium untuk mengeratkan hubungan silaturahim. Melalui aktiviti tersebut ianya dapat mewujudkan nilai kerjasama, interaksi yang sihat.

Namun begitu, riadah hendaklah dilakukan secara seimbang dan tidak berlebihan sehingga mengabaikan kewajipan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al A'raaf, ayat 31 yang mafhumnya :

"Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Prinsip kesederhanaan ini penting dalam setiap aspek kehidupan, termasuk ketika bersukan dan beriadah.

Kesimpulannya, riadah bukan sekadar aktiviti untuk mengisi masa lapang, malah merupakan salah satu usaha menjaga amanah iaitu tubuh badan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita membudayakan riadah dalam kehidupan seharian dengan niat menjaga kesihatan, mensyukuri nikmat Allah dan mempersiapkan diri untuk melakukan kebaikan. Tubuh yang sihat, minda yang cergas dan jiwa yang kuat akan membantu kita menjadi insan yang lebih produktif serta lebih bersedia untuk beribadah dan memberi manfaat kepada orang lain.

RIADAH seperti berjalan kaki, berjoging, berenang, berbasikal dan melakukan pelbagai aktiviti sukan dapat membantu meningkatkan kecergasan serta membina disiplin diri. Selain menyihatkan tubuh badan, riadah juga dapat menyegarkan fikiran dan membantu mengurangkan tekanan. Ini adalah kerana kehidupan moden yang dipenuhi dengan tuntutan pekerjaan, pelajaran dan urusan harian kadangkala menyebabkan seseorang berasa letih dan tertekan. Justeru aktiviti fizikal yang dilakukan secara sederhana dan konsisten dapat menjadi ruang untuk merehatkan minda serta mengembalikan tenaga. Apabila tubuh dan fikiran berada dalam keadaan yang baik, seseorang juga dapat melaksanakan ibadah dan tanggungjawab hariannya dengan lebih sempurna.

KELULUSAN BEEP SEBAGAI PENGENDALI SISTEM PEMBAYARAN DITARIK BALIK

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kelulusan yang diberikan kepada Beep Digital Solutions Sdn. Bhd. (BEEP) untuk beroperasi sebagai pengendali sistem pembayaran telah ditarik balik berkuat kuasa mulai 30 September 2026.

Penarikan balik kelulusan berkenaan adalah susulan daripada penilaian penyeliaan yang dijalankan oleh BDCB terhadap pematuhan BEEP terhadap keperluan kawal selia, serta penamatan operasi perkhidmatan pembayarannya secara teratur.

Sehubungan itu, BEEP tidak lagi dibenarkan untuk menjalankan aktiviti sebagai pengendali sistem pembayaran yang diluluskan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB kekal komited dalam memelihara integriti dan kestabilan sistem pembayaran di negara ini serta memastikan pengendali sistem pembayaran beroperasi selaras dengan undang-undang dan keperluan kawal selia yang telah ditetapkan.

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi BDCB melalui e-mel *info@bdcb.gov.bn*' atau talian +673 8318388 semasa waktu pejabat.

BKISHHB perkenalkan perkhidmatan bas *shuttle* percuma

Siaran Akhbar dan Infografik : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. – Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) memperkenalkan perkhidmatan bas *shuttle* percuma sebagai inisiatif untuk memudahkan orang ramai, termasuk para pengunjung tempatan dan pelancong, berkunjung ke BKISHHB.

Perkhidmatan berkenaan disediakan pada setiap Ahad sepanjang tempoh projek perintis, bermula 25 Oktober 2026 hingga 29 November 2026, dengan beberapa lokasi pengambilan dan penghantaran penumpang yang telah ditetapkan.

Waktu perkhidmatan bermula pukul 10.30 pagi hingga 5.00 petang dan lokasi-lokasi pengambilan ialah Yayasan Complex (Entrance A), Badi'ah Hotel, J Hotel, J Vista Hotel, Times Hotel, Parkview Hotel, dan Rimba Point.

Pendaftaran awal adalah diperlukan bagi memastikan tempat duduk penumpang dapat disediakan. Setiap slot perjalanan memerlukan sekurang-kurangnya lima penumpang berdaftar. Sekiranya jumlah minimum berkenaan tidak dicapai, slot perjalanan berkenaan akan dibatalkan.

Penumpang yang berjaya mendapat pengesahan tempat duduk akan menerima makluman melalui WhatsApp.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, sila imbas Kod QR yang tertera pada poster atau hubungi WhatsApp BKISHHB di talian +673 8153264.



Kenali Bahasa Brunei

mangacul bermaksud menyembul atau terkeluar hujungnya daripada permukaan air, papan, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : *banyak paku atu mangacul di pantaran ah, baiktah ditukul.*

mangadu-adu / mangadu ngadu bermaksud memberitahu seseorang mengenai sesuatu yang tidak menyenangkan untuk mendapatkan simpati, sokongan, pertolongan, keadilan, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : *manangis ia mangadu-ngadu arah bapanya pasal mamanya inda mambalikan kadia mainan antadi di kadai ah.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kuih Dalamu

Kampung Belais dan Buda-buda, Temburong

BAHAN-BAHAN :
1/2kg tepung beras
100gm tepung pulut
2.2 liter air
450g gula
2 biji kelapa bersaiz kecil untuk dijadikan santan

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Tepung beras disangai terlebih dahulu lalu masukkan tepung pulut. Diketepikan. Setelah itu, dalam periuk lain, masukkan gula dan air lalu ditanak hingga menguning dan dibiarkan sejuk. Kemudian, masukkan santan lalu gaul. Akhir sekali, masukkan tepung yang sudah disangai dan gaul hingga sebati. Kaut sedikit adunan dan diletakkan ke atas daun nyirik lalu disemat menggunakan kayu lidi. Buat adunan hingga habis. Kemudian, kukus hingga masak.

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Syarat - Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / CRP / 01-10 / 2026-2027
Tawaran Bagi Percetakan, Perbekalan Dan Pengedaran Bahan Terbitan Dan Promosi KUPU SB 2026/2027

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

Syarat- Syarat Dan Peraturan Dalam Menyertai Sebut Harga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-09 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Ra'es And Registrar Office At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE / 01-10 / 2026-2027
Design And Build Renovation Works For Classrooms At Block A, B, C Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPA / RKN / 1208-009
The Supply, Delivery, Installation, Integration, Testing, Training And Commissioning Of The Surface Movement Radar (SMR) System And Provision Of Other Related Services

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
8 Disember 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Januari 2027
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pertanian (Sayur-Sayuran) 2.0 Hektar Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki, Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan:
18 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Limpaki Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot A1

Keluasan:
2.0 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Sayur-sayuran menggunakan Teknologi tinggi / moden (Rumah Terlindung, Fertigasi, Hidroponik dan lain-lain)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula iklan:
Isnin,
26 Oktober 2026

Tarikh berakhir iklan:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh akhir menghantar:
Isnin, 21 Disember 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III atau IV sahaja

Kategori:
KA01 dan M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 029 / 2026

Nama Projek:
Kontrek Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan Stesyen Pengepam Air Utama Daerah Brunei Muara, Tutong Dan Temburong

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND50.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa
24 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 030 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tangki Bangar Lama,
Daerah Temburong

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM025 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JUB.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 Disember 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
27 / DBP / SH / 2026-2027
Kerja-Kerja Mengecat Bangunan Dan Membaiki Atap / Fascia Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Cawangan Seria

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD / 2 / 2026-2027
Mengendalikan Latihan Align, Achieve & Excel: Strategic Direction, KPI Setting And Team Experience

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Kelas II dan Kelas III Sahaja

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2026 / 25 Term Contract (12 Months) For Minor Repair And Other Associated Works To Bangunan Dewan Majlis

Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
5 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
(15) NDMC / TSH / 2026-2027
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Di Daerah-Daerah Dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) [Makanan Dan Minuman – Secara Tapau Dan Berhidang] Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
11 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 36 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Kawasan Bangunan Pusat Dialisis Rimba, Simpang 256-23, Jalan Kampung Rimba

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV & V

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 37 / BKTKS / 2026-T / IV

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama 24 Bulan Bagi Kerja-Kerja Cerun Bagi Tahun 2027 - 2029

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 38 / BKTKS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Pagar Keliling Di Beberapa Tempat Di Istana Darul Hana

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II, III & IV Sahaja

Kategori:
E01, E02 & M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 031 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi Genset-Genset Di Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 6, dan 7 (HLT), Daerah Tutong, Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 247 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For "Niche" Dumbwaiter For Three (3) Years At Pusat Kesihatan Sungai Liang, Kuala Belait

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 248 / 2026 / JPK
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of 14 (Fourteen) Units Of Smoke Analyzer (Smokerlyzer) Department Of Health Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 249 / 2026 / TUT (TC)
The Provision Of Catering Services For The Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Hospital Tutong, National Isolation Centre, National Isolation Centre Extension (NICE) And Tutong Dialysis Centre For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 250 / 2026 / HTD
Provision Of Endoscopy System For Gastroenterology Department, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 251 / 2026 / HTD (TC)
Development Of Pharmacy Integrated Automated System (PINTAS) Inclusive Of Maintenance & Support For Five (5) Years For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2026-2027 / 07(R)

Tajuk Tawaran:
Appointment Of Project Management Services For The Planning, Coordination And Delivery Of Visit Brunei Year (VBY)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 November 2026,
Jam 2.00 Petang

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 28
Supply And Delivery Of Card Printers For The Production Of Identification (ID) Profile Cards

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
5 November 2026,
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
22 / BBS / SH / 2026 - 2027
Upgrading Electrical Main Cables At Royal Dais, Jalan Sultan, Kuala Belait

Kategori:
E01 – Pemasangan Pendawaian Elektrik / Electrical Wiring Installation
E02 – Pemasangan Voltan Rendah / Low Voltage Electrical Works

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (*Non Refundable*)

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:
23 / BBS / SH / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pembinaan Struktur Perlindungan Utiliti Di Kawasan Perkhidmatan Dan Pemeliharaan Kawasan, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Kategori:
B01
Kerja-Kerja Bangunan / Building Works

Kelas:
I / II

Yuran Tawaran:
BND5.00 (*Non Refundable*)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Tawaran Untuk Berniaga Di Pondok / Petak Jualan Di Pusat Hortikultur Rimba, Gadong

Bilangan:
19 / 2026

Keterangan Tapak:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Pondok:
B17

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula iklan:
Isnin,
26 Oktober 2026

Tarikh berakhir iklan:
Isnin,
23 November 2026

Tarikh akhir menghantar:
Isnin,
7 Disember 2026
sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / RPK / TA / 8014
Pembelian Ballistic Helmet Bagi Unit Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB)

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 24 November 2026
Jam 2.00 petang

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
RTB / 18 / 2026
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning And Training Of Main Network & Broadcast Firewall Systems And Network Switches For RTB Broadcasting Complex Sungai Akar

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 November 2026,
Selasa,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Sijil ROCBN 16 / 17
Pembekal / Ejen Kenderaan Komersial Berdaftar di Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TCP / 22 / 2026 / 2027
"Supply And Delivery One (01) Unit Of Nine (09) Seater High Roof Van"

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Selasa,
10 November 2026,
Sebelum jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Sempena Sambutan Jubli Intan 2027 Sempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

DA / JKSH / 144 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Makanan Secara Berhidang Bagi
1. Sarapan Pagi
2. Makan Tengah Hari
sempena Sambutan Jubli Intan 2027 Sempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Oktober 2027

Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Jamuan Bagi Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2026

DA / JKSH / 145 / 2026 / 2027 [BPPA-OKT-2026]
Sebut Harga Membekal, Menghantar Dan Menghidangkan Jamuan Bagi Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara 2026 :
1. VIP - Sarapan Pagi (Hidangan Individu)
2. VIP - Hidangan Tengah Hari (Silver Service dan Dome Service / Bufet)
3. Ahli Jawatankuasa Kerja – Sarapan Pagi (Bufet)
4. Ahli Jawatankuasa Kerja – Hidangan Tengah Hari (Tapau)

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
14 November 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang
Selasa, 17 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang
Selasa, 24 November 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 38 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan Membina Kawasan Letak Kereta Bagi Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku / Katok (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & Ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
10 November 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB 028 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Paip-Paip Dan Lurang Pembetungan Di Mukim Kuala Belait Bagi Tempoh 24 Bulan.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-011

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 35 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin Di Kediaman Rasmi Permaisuara, Darul Afiyah, Jerudong (Fasa 2)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 36/ 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Hawa Dingin VRF Di Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jalan Utama Mentiri

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E 01 dan M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 37 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Sistem Pendawaian dan Peralatan / Perkakas Elektrik Di Bangunan Lapau, Jabatan Adat Istiadat Negara

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
10 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
24 November 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEDN / UTM / LTK / 01 - 2026
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing and Commissioning of Wireless Access Points (APs) and Wireless LAN Controller

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
3 November 2026
Jam 2.00 petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(115) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Unit 6.03, Tingkat 6, East Wing, Pejabat Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat Dan Unit 4.02, Tingkat 4, West Wing, Pejabat Lembaga Perubatan Brunei Dan Tingkat 7 & 8, East Wing Pusat Latihan Dan Perkembangan Kejururawatan, Di Block 2G, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Kesihatan.

Kelas:
II

Kategori:
B01

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 038 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission Two (2) Units Of Sample Concentrator For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 037 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Water Bath For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 047 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Positive Pressure Manifold For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
DSS / FS / PROC / B50K / 2026-2027 / 048 (TOX)
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Microcentrifuge For Toxicology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(12) PPN / QTN / 2026 (BME)
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning, Twenty-Five (25) Units Of Small Water Distiller For Various Dental Clinic, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1764) / 2026 / HTD (A19)
To Troubleshoot And Repair GETINGE GSS67H (67H202E) Sterilizer At CSSD, SSBH. (WO#2026-13723, BME19228, SN:0011137425-010-01)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1767) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1336 (S/N: FB12K0124) At Room 8 Jubli Perak Sengkurong Health Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1768) / 2026 / HTD (B9)
To Supply, Deliver And Install Spare Part For One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME20071 (S/N: FB14L0141) At Room 11, Block A National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1769) / 2026 / HTD (A20)
One-Off Preventive Maintenance For LNI SWISSGAS Gas Generators Connected To Shimadzu GC-2030AF Gas Chromatography-Flame Ionisation Detector (GCFID) BME20795 At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1766) / 2026 / HTD (A20)
Replacement Data Management And Acquisition System For Gas Chromatography Mass Spectometer (GCMS) Brand: Perkin Elmer, Model: Clarus 680, S/N: 680S314120401, BME18122 At Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(116) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Covidien Valleylab REM Polyhesive For Operating Theatre, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(117) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Hem-O-Lock ML Clips For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(118) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Endobag – Extraction Bag For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(119) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Of Spinal Needle For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(120) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Warming Blanket – Upper Body For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(121) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
To Supply And Deliver Harmonic Ace + Shears For Operating Theatre, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(122) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)
Supply And Delivery Of Disposible Ecoliner Suction And Fluid Collection System For Operating Theatre, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Ministry Of Health (Clustering)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
14 November 2026,
Jam 2.00 Petang

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
IV, V atau VI

Kategori:
S01

Tarikh Buka Tawaran Pada:
2 November 2026 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
24 November 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
1 Disember 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T016 / 2026
Pengumpulan Dan Pelupusan Sisa Di Bawah Rumah Di Kawasan Bakut Dan Di Sepanjang Tepi Sungai Di Tiga (3) Zon Di Kampong Ayer Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T016 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6020
Purchase Combat Boot Black For Gurkha Security Unit

Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 November 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
29 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Pembersih Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
30 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) – R
Sebut Harga Bagi Pembelian Alat Tulis Di Unit Stor Untuk Kegunaan Semua Bahagian Di Bawah Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
5 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Keterangan Tawaran:
JBS / ADM / TDR / 08 / 2026
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan dan Penghantaran Makan / Minum Malam Berkonsepkan Individually Packed Meals and Drinks Bagi 35 Orang Atlet Dibawah Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 November 2026

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pemberitahuan Sebut Harga

JPt / SH / 93 / 2026-2027
Quotation For Maintenance, Service And Repair Of Incinerator (Comes With Building) In The Pathology Laboratory, Animal Diagnostic Unit, KKP Terunjing

JPt / SH / 94 / 2026-2027
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For A Period Of Two (2) Years

JPt / SH / 95 / 2026-2027
Inspection Of Socket, Isolator And Earthing At Veterinary Lab KKP Terunjing, Department Of Agriculture And Agrifood

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

مجليس علمو دايم زمان سلطان هاري كفوتراءن

MAJLIS ILMU 2026

ملايو إسلام براج: توڠكق كداولتن نكارا

MELAYU ISLAM BERAJA: TONGGAK KEDAULATAN NEGARA

سمبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان
دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام ك-٨٠ تاهون

MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2026

Sabtu | 27 Jamadilawal 1448H bersamaan 7 November 2026M | Bermula 8.00 pagi

FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2026

Khamis | 2 Jamadilakhir 1448H bersamaan 12 November 2026M | Bermula 8.00 pagi

CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2026

Sabtu | 4 Jamadilakhir 1448H bersamaan 14 November 2026M | Bermula 8.45 pagi

SEMINAR MAJLIS ILMU 2026

Selasa | 7 Jamadilakhir 1448H bersamaan 17 November 2026M | 8:00 pagi

PAMERAN MAJLIS ILMU 2026

Sabtu hingga Sabtu | 27 Jamadilawal hingga 4 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 7 November hingga 14 November 2026M
(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

BERTEMPAT:
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC), BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

FORUM DAERAH-DAERAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2026

Daerah Belait
Dewan Persidangan Kuala Belait
Khamis, 9 Jamadilakhir 1448H
bersamaan
19 November 2026M

Daerah Brunei dan Muara
Dewan Musyawarah,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Isnin, 13 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 23 November 2026M

Daerah Tutong
Dewan Ma'had Islam Brunei
Khamis, 16 Jamadilakhir 1448H
bersamaan
26 November 2026M

Daerah Temburong
Dewan Utama, Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Mukim Bangar
Isnin, 20 Jamadilakhir 1448H
bersamaan 30 November 2026M

Penganjur Bersama


كمنترين كبودايأن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
سوكن كبڠسأن بروني دارالسلام
ك - ٥، تاهون ٢٠٢٦
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM
KE-V, TAHUN 2026
سوكن كبڠسأن بروني دارالسلام
SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM
27 JAMADILAWAL- 4 JAMADILAKHIR 1448
7 - 14 NOVEMBER 2026
"Bersama Mengejar Kegemilangan"
جابتن بليا دان سوكن
JABATAN BELIA DAN SUKAN
www.belia-sukan.gov.bn
jbs.brunei
jabatan belia dan sukan
jabatan belia dan sukan brunei
info@belia-sukan.gov.bn

KULIMPAPA ORCHESTRA HARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Kulimpapa Orchestra





KUMPULAN muzik tradisional kontemporari dari Negara Brunei Darussalam, Kulimpapa Orchestra mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih tempat kedua dalam pertandingan Rhythm of Tuaran 2026 (atas dan kiri).

TUARAN, SABAH, Isnin, 2 November. – Kumpulan muzik tradisional kontemporari dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Kulimpapa Orchestra telah mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih tempat kedua dalam pertandingan Rhythm of Tuaran 2026 yang berlangsung pada 30 hingga 31 Oktober 2026 lalu.

Lebih membanggakan, penyanyi Kulimpapa Orchestra turut mencipta kejayaan tersendiri apabila dinobatkan sebagai Vokalis Terbaik Keseluruhan dalam pertandingan berkenaan.

Pertandingan yang berlangsung selama dua hari berkenaan dimulakan dengan peringkat saringan pada 30 Oktober 2026, diikuti peringkat akhir pada 31 Oktober 2026.

Pencapaian berkenaan merupakan satu kebanggaan buat Kulimpapa Orchestra, bukan sahaja kerana berjaya bersaing dengan kumpulan-kumpulan berbakat, malah turut membuktikan bahawa muzik tradisional NBD mampu diketengahkan dan mendapat tempat di pentas pertandingan antarabangsa.

Kejayaan berkenaan juga mencerminkan usaha, komitmen serta semangat seluruh anggota Kulimpapa Orchestra dalam membawa identiti muzik NBD ke peringkat yang lebih luas.

Sehubungan itu, Kulimpapa Orchestra merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan serta kepercayaan sepanjang penyertaan dalam pertandingan berkenaan.



Keputusan pengambilan HECAS Januari 2027 dikeluarkan 3 November

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 November. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi sukacita ingin memaklumkan bahawa keputusan pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan Januari 2027 bagi Sesi Akademik 2026/2027 bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) akan dikeluarkan pada Selasa, 3 November 2026, pukul 9.00 pagi.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS, iaitu *https://hecas.moe.gov.bn.*

Pemohon yang berjaya hendaklah menerima atau menolak tawaran sebelum Rabu, 11 November 2026, pukul 4.00 petang.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, tarikh akhir untuk menghadapkan Surat Rayuan dan dokumen berkenaan ke IPTA adalah pada Sabtu, 7 November 2026 sebelum pukul 4.00 petang.

Pemohon adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada permohonan awal.

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di *ask.hecas@moe.gov.bn* atau melalui nombor telefon +673 2381992 atau +673 2381224 semasa waktu pejabat.





Bantuan Kecerdasan Buatan (AI) Pemangkin Transformasi Digital

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Kumpulan Integ8

REVOLUSI Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) bukan lagi sekadar wacana masa hadapan, tetapi telah menjadi realiti yang mengubah landskap dunia pekerjaan masa kini. Daripada mengautomasikan tugasan rutin sehinggalah menganalisis data dalam skala besar, penggunaan AI di tempat kerja telah terbukti mampu meningkatkan kecekapan, produktiviti dan ketepatan dalam membuat keputusan.

Sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, adalah penting bagi organisasi di negara ini untuk memahami potensi, cabaran dan impak AI agar tidak ketinggalan dalam arus transformasi digital global.

Menyokong operasi pejabat lebih cekap, sistematik

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) sedang melaksanakan agenda transformasi digital yang menyeluruh merangkumi pembangunan pelbagai sistem dan platform bagi menyokong operasi dan perkhidmatan pejabat secara lebih cekap dan sistematik.

Dalam tempoh tiga tahun, Pejabat KDYMM telah berjaya melaksanakan pelbagai projek transformasi digital secara berterusan yang mana suatu pencapaian yang signifikan memandangkan saiz tenaga teknikal yang terhad. Ini adalah bagi mendukung Digital Brunei Transformation Plan 2030 menuju aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Pendekatan utama yang memacu pencapaian ini ialah penggunaan AI sebagai alat bantu pembangunan sistem yang mana menjadi pemangkin transformasi digital.

Pendekatan Smart Coding

Pejabat KDYMM telah beralih daripada kaedah pembangunan konvensional yang statik dan memakan masa kepada pendekatan Smart Coding di mana AI digunakan secara aktif dalam setiap peringkat pembangunan sistem. Peralihan ini bukan sekadar perubahan proses kerja, tetapi merupakan perubahan paradigma dalam cara Pejabat KDYMM mereka bentuk, membangun serta menguruskan sistem dan teknologi, yang mana telah meningkatkan keberkesanan proses kerja dan mengurangkan bebanan kerja manual.

Selain pembangunan sistem, AI turut memperkasakan Pejabat KDYMM untuk mengintegrasi dan memanfaatkan pelbagai teknologi secara dalaman sebagai pemudah cara antaranya termasuk Optical Character Recognition (OCR), Integrasi Peranti Pengecaman Wajah berasaskan Internet of Things (IoT), Smart Camera Module, dan AI Helpbot, di samping beberapa teknologi guna sama yang lain.

Pembangunan teknologi dalaman berkembang

Hasil pendekatan ini amat ketara di mana masa pembinaan, pengintegrasian sistem dan teknologi yang dahulunya mengambil masa beberapa bulan, kini dapat dihasilkan dalam beberapa minggu sahaja, manakala bilangan sistem yang berjaya dilancarkan turut meningkat dengan ketara. Pembangunan teknologi dalaman turut berkembang daripada beberapa teknologi asas kepada pelbagai teknologi guna sama.

Pejabat KDYMM kini menuju ke arah HMO Digital Ecosystem iaitu sebuah persekitaran digital bersepadu yang akan menghimpunkan keseluruhan sistem-sistem modular yang telah dibina ke dalam satu ekosistem yang kohesif dan strategik. Dengan sokongan AI, proses penyatuan yang lazimnya memakan masa dan sumber yang besar kini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat dan fokus, sejajar dengan hala tuju transformasi digital Pejabat KDYMM.

Mengguna pakai inovasi secara holistik

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Pejabat KDYMM dalam mengguna pakai inovasi secara holistik dan mampan. Melalui tiga peringkat utama iaitu AI Enable, di mana AI diterima pakai sebagai alat kerja harian bagi menyokong dan mempercepatkan proses pembangunan sistem.

AI Empower, di mana AI telah mengukuhkan kapasiti dan keupayaan Pejabat KDYMM dalam membangun sistem dan teknologi berkaitan dan AI Transform, sebagai hala tuju masa hadapan menuju operasi yang dipacu AI. Pejabat KDYMM beriltizam untuk terus memacu transformasi digital yang bermakna, mampan dan memberi impak yang bermanfaat ke negara dan masyarakat.

Anugerah emas

Projek Bantuan Kecerdasan Buatan (AI) Pemangkin Transformasi Digital ini diusahakan oleh kumpulan Integr8 dari Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berjaya menerima anugerah emas bagi Anugerah Inovasi Perdana (AIP) sempena Hari Perkhidmatan Awam.

Projek tersebut adalah memperkenalkan pendekatan Smart Coding yang dilaksanakan oleh Pejabat KDYMM melalui bantuan AI sebagai pemacu utama produktiviti dan kualiti pembangunan digital.

Melalui idea ini ia menambah baik kecekapan kerja dan melihat AI sebagai satu peluang untuk menutup jurang keupayaan teknologi dan sumber, seterusnya menghasilkan solusi digital yang lebih cekap, kos efektif dan mampan.

Projek ini telah dipamerkan pada mini pameran sempena Hari Perkhidmatan Awam baru-baru ini. Mini pameran adalah mengenai kepimpinan dan inovasi Perkhidmatan Awam turut diadakan untuk mengetengahkan pelbagai inisiatif, inovasi dan pencapaian agensi-agensi kerajaan. Melalui pameran ini, kita dapat melihat sendiri usaha yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan, mempermudahkan urusan dan memperbaiki mutu perkhidmatan orang ramai.

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam diharap akan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi, pembudayaan inovasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti demi kepentingan rakyat dan negara.

Sebanyak 15 mixels dipamerkan pada pameran tersebut yang mana tujuh daripadanya adalah pameran yang menyertai Anugerah Inovasi Perdana, dua mixels mempamerkan titah dan selebihnya adalah projek dari Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO), Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) serta Program Pembangunan Eksekutif Muda (YEP).

قليتا برونى PELITA BRUNEI



Hargai penggerak utama bekalan makanan negara

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Perikanan

MAKANAN merupakan keperluan asas yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Ketersediaan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berkualiti bukan sahaja memenuhi keperluan asas kehidupan rakyat dan penduduk, malah menjadi salah satu tunjang kepada kestabilan ekonomi serta pembangunan negara. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, sumbangan para peladang, petani, penternak dan nelayan tidak dapat dinafikan kerana merekalah antara penggerak utama yang memastikan bekalan makanan tempatan terus dihasilkan dan tersedia untuk dinikmati oleh masyarakat.

Sehubungan itu, Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan (HPPPN) yang diraikan pada 1 November setiap tahun merupakan platform penting bagi pihak kerajaan dan masyarakat umum untuk menghargai jasa, pengorbanan serta komitmen golongan penggiat sektor pertanian, penternakan dan perikanan di negara ini. Sambutan yang diadakan buat kali Ke-16 anjuran bersama oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta Jabatan Perikanan pada tahun ini berlangsung baru-baru ini di Pasar Kitani, Pusat Agribisnes, Rimba, Gadong, dengan mengangkat tema 'Rantaian Nilai Kukuh, Sekuriti Makanan Terjamin'.

Tema tersebut mencerminkan kepentingan memperkukuh setiap peringkat dalam rantaian pengeluaran makanan, bermula daripada penghasilan bahan mentah, pemprosesan, pembungkusan, pelabelan sehinggalah kepada pemasaran dan pengedaran produk kepada pengguna. Pendekatan menyeluruh ini penting bagi memastikan produk tempatan bukan sahaja mampu memenuhi keperluan pasaran dalam negara, malah berpotensi untuk bersaing di pasaran yang lebih luas.

Perisian sambutan

Sambutan tahun ini turut menyaksikan perasmian Program Peningkatan Pelabelan dan Pembungkusan bagi produk belacan tempatan sempena HPPPN 2026, disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat. Program ini bertujuan membantu pengusaha kecil-kecilan meningkatkan kualiti dan penampilan produk supaya lebih menarik, berkualiti dan berdaya saing. Melalui program ini, penambahbaikan diberikan dari segi pembungkusan yang lebih menarik dan bersesuaian, serta penyediaan label yang lebih lengkap, kemas dan teratur. Langkah ini bertujuan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk belacan tempatan.

Selain itu, pertunjukan Maguro Kitai-Sho yang mengetengahkan demonstrasi teknik memotong ikan tuna secara terperinci antara pengisian menarik pada sambutan tersebut. Demonstrasi yang dikendalikan oleh Yamako Pacific (B) Sdn. Bhd. itu memberi peluang kepada para pengunjung untuk mengenali dengan lebih dekat kepakaran dan teknik pemprosesan ikan tuna.

Pengisian seumpama ini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kemahiran dalam industri perikanan, malah menunjukkan bahawa hasil laut mempunyai potensi untuk dipelbagaikan melalui teknik pemprosesan yang betul. Dengan pengetahuan, kemahiran dan teknologi yang bersesuaian, hasil perikanan tempatan berupaya menghasilkan produk bernilai tambah yang mempunyai potensi pasaran.

Usaha gigih membawa manfaat

Di sebalik setiap hasil pertanian, penternakan dan perikanan yang sampai kepada pengguna, terdapat usaha dan kegigihan para pengusaha yang bekerja keras dalam memastikan pengeluaran makanan terus berjalan. Tugas mereka bukan sekadar menghasilkan produk untuk memenuhi keperluan harian, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pekerjaan serta mengembangkan industri tempatan.

Dalam konteks ini, pekerjaan dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan merupakan pekerjaan yang mulia dan mempunyai nilai yang besar dalam Islam. Agama Islam menggalakkan umatnya supaya berusaha dan bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki yang halal bagi memenuhi keperluan diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Sesungguhnya, setiap usaha yang dilakukan dengan niat yang baik serta mengikut tuntutan syarak boleh menjadi ibadah. Oleh itu, golongan peladang, petani, penternak dan nelayan sewajarnya berbangga dengan pekerjaan yang diceburi kerana sumbangan mereka mempunyai kepentingan yang besar terhadap kehidupan masyarakat dan pembangunan negara.

Usaha meningkatkan pengeluaran makanan tempatan juga amat penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import. Dengan memperkukuh sektor pertanian dan perikanan, negara berpeluang membina sistem bekalan makanan yang lebih berdaya tahan, di samping memastikan sumber makanan yang diperoleh memenuhi keperluan keselamatan, kualiti dan kehalalan.

Menghargai pengorbanan, memperkukuh sekuriti makanan

Sambutan HPPPN sememangnya bukan sekadar acara tahunan untuk meraikan golongan pengusaha, tetapi juga menjadi peringatan kepada masyarakat tentang besarnya peranan mereka dalam kehidupan seharian. Setiap hasil yang diusahakan dengan penuh kesungguhan bukan sahaja membawa manfaat kepada diri dan keluarga, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Semoga segala usaha dan titik peluh para peladang, petani, penternak dan nelayan akan terus mendapat penghargaan sewajarnya serta menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pertanian, penternakan dan perikanan yang lebih maju, produktif dan mampan demi menjamin sekuriti makanan Negara Brunei Darussalam.



MESIR METERAI PERJANJIAN PEMBIAYAAN USD1 BILION DENGAN BANK DUNIA

KAHERAH, 2 Nov. - Mesir pada Ahad menandatangani perjanjian pembiayaan bernilai USD1 bilion dengan Bank Dunia di bawah fasa kedua program pembiayaan dasar pembangunan bagi menyokong reformasi ekonomi negara itu, menurut Kabinet Mesir, lapor Xinhua.

Perjanjian itu dimeterai Menteri Luar Mesir Badr Abdelatty, yang turut bertindak sebagai wakil negara itu di Bank Dunia, bersama Pengarah Bahagian Bank Dunia bagi Mesir, Yaman dan Djibouti, Alwaleed Alatabani.

Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan berlangsung di Ibu Kota Pentadbiran Baharu, di timur Kaherah, dengan dihadiri Perdana Menteri Mesir Mostafa Madbouly.

Program itu bertujuan meningkatkan daya saing ekonomi negara, menambah baik persekitaran perniagaan, memperkukuh daya tahan terhadap kejutan luar serta mempercepat peralihan kepada ekonomi hijau.

Antara reformasi struktur yang dirancang termasuk menambah baik tadbir urus perusahaan milik kerajaan, menghapuskan halangan terhadap pelaburan dan pertumbuhan sektor swasta serta menggalakkan persaingan yang adil.

Langkah lain merangkumi usaha meningkatkan kutipan hasil dalam negara dan mengurangkan kos pembiayaan kerajaan.

Kabinet Mesir memaklumkan bahawa langkah berkenaan akan menyokong usaha kerajaan beralih kepada ekonomi hijau, selain meningkatkan keupayaan negara menangani kesan perubahan iklim.

Menurut Kabinet Mesir, Lembaga Pengarah Kumpulan Bank Dunia telah meluluskan pembiayaan USD1 bilion itu pada Mei 2026, selaras dengan rangka kerja perkongsian strategik antara Bank Dunia dan Mesir bagi tempoh 2023 hingga 2027. - ©BERNAMA

Jepun tubuh agensi pengurusan bencana, perkukuh tindak balas

TOKYO, 2 Nov. - Kerajaan Jepun pada Isnin menubuhkan sebuah agensi baharu bagi menyelaras tindak balas bencana serta merangka langkah mengurangkan kerosakan akibat pelbagai ancaman di negara yang sering dilanda gempa bumi itu, lapor Kyodo News.

Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan yang beribu pejabat di Tokyo itu akan menubuhkan hab serantau bagi mempertingkatkan penyelarasan bersama kerajaan tempatan dalam menangani bencana, termasuk potensi gempa bumi mega.

Lokasi pusat serantau berkenaan akan ditentukan pada musim panas 2027 dan dijadual mula beroperasi menjelang Julai 2028.

Agensi itu diketuai Perdana Menteri Sanae Takaichi, manakala Menteri Pembinaan Semula Goshi Hosono akan turut memegang portfolio Menteri Pengurusan Bencana, menurut Ketua Setiausaha Kabinet Minoru Kihara pada sidang media Isnin.

Penubuhan agensi berkenaan merupakan yang pertama di bawah penyeliaan langsung Kabinet sejak Agensi Digital ditubuhkan pada September 2021.

Antara cabaran utama agensi baharu itu, yang turut bertanggungjawab menangani hujan lebat dan letusan gunung berapi, ialah memperluas bantuan kepada pihak berkuasa tempatan yang berdepan kekangan peruntukan serta akses terhad kepada pakar pengurusan bencana.

Menteri Pengurusan Bencana juga akan diberikan kuasa untuk mengemukakan syor kepada kementerian dan agensi lain, manakala pihak yang didapati tidak mengambil langkah mencukupi diwajibkan mengambil kira syor berkenaan.

Agensi itu juga akan bertanggungjawab terhadap usaha pemulihan dan pembinaan semula kawasan terjejas, bermula dengan Semenanjung Noto yang dilanda gempa bumi pada 2024 serta Wilayah Kumamoto yang mengalami gempa bumi berukuran 7.1 magnitud pada Julai tahun ini.

Selain itu, agensi berkenaan akan menjadikan kejadian banjir yang semakin serius di seluruh negara sebagai isu keutamaan susulan hujan lebat di Wilayah Chiba pada Ogos lalu yang menyebabkan banjir di kawasan bandar. - ©BERNAMA

Ketibaan pelancong di Angkor merosot dua angka dalam tempoh 10 bulan pertama 2026

PHNOM PENH, 2 Nov. - Taman Arkeologi Angkor yang terkenal di Kemboja mencatatkan penurunan dua angka ketibaan pelancong antarabangsa dan hasil pendapatan dalam tempoh 10 bulan pertama 2026, menurut kenyataan rasmi yang dikeluarkan pada Isnin, lapor Xinhua.

Taman berkenaan menerima 566,714 ketibaan pelancong asing dalam tempoh itu, merosot 26 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas manakala hasil jualan tiket berjumlah AS$27 juta, susut 24 peratus tahun ke tahun.

Bagi Oktober sahaja, ketibaan pelancong antarabangsa menurun 6.7 peratus kepada 56,186 orang berbanding bulan sama tahun lepas, menurut kenyataan itu.

Timbalan Pengarah Pusat Pengajian China-ASEAN di Universiti Teknologi dan Sains Kemboja Thong Mengdavid optimis jumlah pengunjung akan kembali meningkat dalam beberapa tahun akan datang, susulan usaha berterusan kerajaan negara itu untuk membanteras rangkaian penipuan dalam talian.

"Apabila kita mengurangkan halangan perjalanan dan secara aktif menangani kebimbangan berkaitan keselamatan, daya tarikan budaya dan kerohanian Angkor yang mendalam pastinya akan terus menarik kedatangan semula pelancong antarabangsa, sama ada yang berkunjung buat kali pertama mahupun pelancong berulang," katanya kepada Xinhua.

Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang meliputi kawasan seluas 401 kilometer persegi di Wilayah Siem Reap, barat laut Kemboja itu kekal sebagai tarikan utama yang menjadi tunjang ekonomi pelancongan negara berkenaan.

Taman bersejarah itu menempatkan 91 kuil purba yang dibina antara abad kesembilan hingga abad ke-13. - ©BERNAMA

Ecuador kuat kuasa perintah berkurung di 5 wilayah

QUITO, 2 Nov. - Kerajaan Ecuador pada Ahad menguatkuasakan perintah berkurung baharu di lima wilayah sehingga 10 November bagi membanteras jenayah terancang dan pengedaran dadah, lapor Xinhua.

Presiden Daniel Noboa mengeluarkan perintah eksekutif itu bagi wilayah Guayas, Manabi, Los Rios, El Oro dan Esmeraldas yang terletak di kawasan pesisir pantai negara berkenaan.

Menurut kerajaan, penduduk di wilayah terbabit diwajibkan berada di dalam rumah dari 12 tengah malam hingga 5 pagi waktu tempatan, manakala operasi khas membanteras jenayah turut dilaksanakan bagi mengekang keganasan.

Ini merupakan kali keempat Noboa menguatkuasakan perintah berkurung tahun ini selepas langkah sama dilaksanakan pada Mac, Mei dan September.

Perintah berkurung itu berkuat kuasa ketika Ecuador sedang bercuti selama empat hari bermula 31 Oktober sempena sambutan All Souls' Day dan ulang tahun kemerdekaan bandar Cuenca di selatan negara itu.

Langkah berkenaan turut dilaksanakan empat minggu menjelang pilihan raya tempatan.

Noboa sebelum ini berulang kali mengambil langkah mengisytiharkan darurat atau melaksanakan perintah berkurung di seluruh negara dan wilayah tertentu bagi menangani masalah jenayah.

Sejak Januari 2024, pentadbiran Noboa mengisytiharkan Ecuador berada dalam keadaan 'konflik bersenjata dalaman' bagi memerangi kumpulan jenayah yang mempunyai kaitan dengan pengedaran dadah dan dilabel beliau sebagai 'pengganas'.

Langkah itu diambil ketika negara berkenaan berdepan peningkatan keganasan termasuk serangan bersenjata, penculikan bagi tujuan pemerasan dan pembunuhan. - ©BERNAMA

8 pekerja maut terkena renjatan elektrik di tapak pembinaan Republik India

HYDERABAD, 2 Nov. - Lapan pekerja maut manakala lima lagi cedera akibat renjatan elektrik di sebuah tapak pembinaan jalan raya di negeri Rajasthan, barat laut Republik India pada Isnin.

Menurut laporan media tempatan, kejadian berlaku selepas sebuah jentera pembinaan tersentuh talian elektrik di atas kepala di daerah Jhunjhunu.

Kesemua mangsa merupakan penduduk tempatan.

Ketua Menteri Rajasthan Bhajanlal Sharma menerusi hantaran di platform X berkata arahan telah dikeluarkan kepada pegawai berkaitan supaya memastikan mangsa yang cedera menerima rawatan sewajarnya, selain memberikan segala bantuan yang diperlukan dengan segera kepada keluarga terjejas serta menjalankan siasatan berhubung kejadian itu. - ©BERNAMA

9 maut dalam nahas pesawat di Florida, AS

WASHINGTON, 2 Nov. - Sebuah pesawat yang membawa sembilan orang terhempas di sebuah kawasan perumahan di Florida pada Ahad, mengorbankan kesemua penumpang dan anak kapal, kata Setiausaha Pengangkutan AS, Sean Duffy, lapor Xinhua.

Duffy menerusi hantaran di platform X memaklumkan bahawa pesawat jenis Learjet 60 itu terhempas di kawasan kejiranan berhampiran Cresthaven, Florida pada 12.50 tengah hari waktu tempatan.

"Kesemua sembilan orang di dalam pesawat itu maut," katanya sambil memaklumkan bahawa pesawat berkenaan berlepas dari Austin, Texas menuju ke Bahamas.

Duffy berkata Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) akan menghantar pasukan ke lokasi kejadian bagi membantu siasatan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB).

Setakat ini, belum dapat dipastikan sama ada terdapat individu di darat yang cedera dalam kejadian itu.

Menurut rakaman komunikasi radio kawalan trafik udara yang diperoleh LiveATC.net, juruterbang pesawat itu melaporkan pembentukan ais pada pesawat serta mengalami gelora udara beberapa minit sebelum nahas berlaku.

Tidak lama kemudian, pesawat berkenaan mengisytiharkan situasi kecemasan sebelum menjunam kira-kira 8.2 kilometer dalam tempoh seminit.

Media tempatan melaporkan bahawa ribut berlaku di beberapa kawasan ketika nahas, dengan pesawat itu melintasi kawasan ribut beberapa minit sebelum mula menjunam. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

THAILAND KAJI LANGKAH KESELAMATAN SIBER LINDUNGI PENGEKSPORT MAKANAN

BANGKOK, 3 Nov. - Thailand sedang mengkaji langkah untuk memperkukuh pertahanannya terhadap ancaman keselamatan siber baru muncul yang menyasarkan sistem penyimpanan makanan, dengan tumpuan kepada usaha melindungi pengeksport dan perniagaan makanan di negara itu.

Perdana Menteri Thailand Anutin Charnvirakul berkata beliau telah mengarahkan Kementerian Perdagangan menyiasat laporan mengenai serangan siber terhadap sistem penyejukan makanan di luar negara serta menilai potensi implikasinya terhadap Thailand.

Anutin, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata insiden melibatkan dakwaan penggodaman sistem penyimpanan makanan untuk memanipulasi suhu sehingga menyebabkan makanan rosak itu merupakan satu bentuk ancaman siber baharu yang memerlukan perhatian lebih serius.

"Agensi di bawah Kementerian Ekonomi Digital dan Masyarakat mesti memastikan penggodaman dan penyalahgunaan teknologi siber tidak mengganggu operasi agensi kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet pada Selasa.

Beliau berkata perkara itu telah dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet pada awal hari berkenaan, dengan agensi kerajaan berkaitan ditugaskan untuk memantau dan menangani risiko yang mungkin timbul.

Anutin berkata Polis Diraja Thailand dan Biro Siasatan Jenayah Siber (CCIB) sedang memantau situasi itu, sambil menekankan keperluan Thailand untuk terus mengkaji ancaman siber yang baru muncul berkenaan.

Pada Isnin, media melaporkan bahawa penjenayah siber sekali lagi menyasarkan sistem penyejukan di pasar raya Eropah sehingga menyebabkan suhu peti sejuk dan penyejuk beku meningkat.

Bagaimanapun, Anutin berkata Thailand sebagai negara pengeksport utama makanan juga perlu mempertimbangkan langkah perlindungan dalam urus niaga eksport, termasuk merangka terma kredit dan syarat pembayaran dengan teliti serta menilai sama ada perlindungan insurans diperlukan bagi melindungi pengeluar dan peniaga.

Beliau memberi amaran bahawa pengeksport tidak seharusnya dibiarkan terdedah kepada risiko kerugian sekiranya pembeli luar negara menjadikan dakwaan kerosakan sistem penyejukan atau produk rosak atau tidak memenuhi piawaian sebagai alasan untuk menahan pembayaran.

"Kita juga mesti melindungi kepentingan penjual. Kita tidak boleh membiarkan barangan tiba di destinasi hanya untuk pembeli mendakwa produk itu rosak atau tidak memenuhi piawaian, kemudian enggan membuat pembayaran," katanya.

Anutin menyuarakan keyakinan bahawa agensi Thailand mempunyai keupayaan untuk mewujudkan langkah perlindungan yang sewajarnya serta melindungi perniagaan tempatan daripada ancaman teknologi seumpama itu. - ©BERNAMA

Identiti 69 mangsa nahas tren di Sepanyol dikenal pasti

MADRID, 3 Nov. - Identiti kesemua 69 mangsa yang maut dalam perlanggaran dua tren berkelajuan tinggi di Urda, tengah Sepanyol minggu lepas telah dikenal pasti, manakala 29 mangsa yang cedera masih dirawat di hospital, menurut pihak berkuasa pada Isnin, lapor Xinhua.

Pusat Data Bersepadu Sepanyol (CID) mengesahkan bahawa jumlah sementara korban kekal 69 orang, termasuk 54 warga Sepanyol dan 15 warga asing. Kesemua mangsa merupakan orang dewasa, terdiri daripada 40 lelaki dan 29 wanita.

Mangsa warga asing terdiri daripada empat warga Amerika Syarikat, masing-masing dua warga Australia dan Jepun, serta masing-masing seorang dari Argentina, Kanada, Republik Czech, Perancis, Mexico, Portugal dan Tunisia.

Institute of Legal Medicine and Forensic Sciences of Toledo and Ciudad Real telah menyelesaikan proses pengecaman mangsa. Daripada 69 mangsa, seramai 56 dikenal pasti melalui analisis cap jari oleh Perkhidmatan Kriminalistik Pengawal Awam, manakala baki 13 mangsa dikenal pasti melalui ujian DNA oleh National Institute of Toxicology.

Keluarga kesemua 69 mangsa telah dimaklumkan mengenai keputusan pengecaman itu, manakala pejabat konsular berkaitan turut dimaklumkan bagi kes melibatkan warga asing.

Sementara itu, kerajaan wilayah Castilla-La Mancha melaporkan bahawa 29 mangsa yang cedera dalam nahas itu masih dirawat di empat hospital, termasuk sembilan di unit rawatan rapi (ICU) dan 20 di wad biasa.

Menurut pihak berkuasa kesihatan wilayah, daripada 110 pesakit yang pada awalnya dimasukkan ke enam hospital, seramai 81 telah dibenarkan keluar.

Sembilan pesakit telah dipindahkan ke hospital di Madrid, termasuk seorang pada Isnin, manakala seorang lagi dipindahkan ke Andalusia.

Operasi pemulihan di lokasi nahas menunjukkan kemajuan apabila semua gerabak kedua-dua tren yang terlibat dalam perlanggaran itu telah dialihkan dari landasan.

Kedua-dua tren berkenaan masing-masing dikendalikan oleh Iryo dan pengendali kereta api kebangsaan Sepanyol, Renfe, lapor agensi berita Sepanyol EFE yang memetik sumber Pengawal Awam.

Gerabak tren Renfe AVE telah dialihkan pada waktu malam dan dipindahkan ke kawasan selamat, manakala dua gerabak terakhir tren Iryo dikeluarkan dari laluan kereta api berkelajuan tinggi Madrid-Andalusia pada petang Isnin.

Pengawal Awam masih meneruskan operasi mencari sisa jasad manusia di lokasi nahas dengan kira-kira 50 anggotanya dikerahkan ke kawasan itu, menurut EFE. - ©BERNAMA

Majlis Keselamatan PBB beri tumpuan kepada AI di bawah kepimpinan Latvia

ISTANBUL, 3 Nov. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan memberi tumpuan kepada implikasi kecerdasan buatan (AI) dan teknologi baharu terhadap keamanan serta keselamatan dalam agenda November ini, ketika Latvia mengambil alih jawatan presiden bergilir majlis itu buat kali pertama, lapor Anadolu Ajansi.

"Kami percaya isu teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan, serta kesannya terhadap keamanan dan keselamatan akan terus menjadi antara agenda majlis ini," kata Wakil Tetap Latvia ke PBB Sanita Pavluta-Deslandes kepada pemberita di ibu pejabat PBB pada Isnin.

Acara utama sepanjang tempoh kepimpinan Latvia dijadualkan berlangsung pada 24 Nov menerusi perbahasan terbuka peringkat menteri bertajuk "Conflict resolution in an era of rapid technological change".

Pavluta-Deslandes berkata perbincangan itu akan meneliti kesan penggunaan teknologi baharu terhadap perlindungan orang awam, anggota pengaman, petugas kemanusiaan dan pengamal media, selain usaha mencegah konflik serta membina keamanan.

Beliau menjelaskan bahawa Majlis Keselamatan tidak akan berusaha mewujudkan rangka kerja kawal selia AI di peringkat global atau sistem tadbir urus umum, memandangkan tanggungjawab menggubal peraturan yang lebih menyeluruh terletak di bawah Perhimpunan Agung PBB.

Wakil sektor teknologi dan syarikat AI akan memberikan taklimat kepada anggota majlis itu, manakala Kumpulan Pakar Tidak Rasmi mengenai Ancaman Baharu dan Perubahan Teknologi yang baru ditubuhkan bersama Greece dan disertai 10 anggota majlis dijadual mengadakan mesyuarat sulungnya pada bulan ini.

Latvia buat kali pertama memegang jawatan presiden Majlis Keselamatan PBB, bertepatan dengan sambutan kenegaraan negara itu pada November bagi memperingati pengisytiharan kemerdekaannya pada 1918.

Sementara itu, menyentuh mengenai konflik serantau, Pavluta-Deslandes berkata beberapa mesyuarat dijangka diadakan bagi membincangkan konflik Rusia-Ukraine susulan serangan terhadap infrastruktur grid tenaga penting menjelang musim sejuk, selain serangan terhadap kapal perdagangan yang mengangkut bijirin di Laut Hitam hingga mengancam keselamatan makanan antarabangsa.

Berhubung Asia Barat, majlis itu dijadual memperingati ulang tahun pertama Resolusi 2803 dengan pembentangan laporan enam bulan sekali Lembaga Keamanan pada 17 Nov, disusuli perbahasan mengenai Palestin pada 30 Nov.

Latvia turut mengesahkan bahawa wakil masyarakat sivil akan dijemput memberikan taklimat dalam sesi berkaitan Syria, Sudan Selatan dan Asia Barat, selaras dengan dasar toleransi sifar terhadap tindakan balas terhadap pemantau hak asasi manusia.

Majlis itu juga akan mengadakan rundingan pada pertengahan November mengenai Lubnan dan Resolusi 1701 bagi meneliti laporan Setiausaha Agung serta menilai peralihan selepas penamatan operasi Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL), dengan matlamat mengelakkan kekosongan keselamatan di selatan Lubnan menjelang tamatnya mandat misi itu pada akhir tahun.

Agenda lain termasuk pemilihan hakim Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 3 Nov, kemungkinan mesyuarat mengenai Yaman serta pembaharuan mandat misi pengaman di Abyei dan Republik Afrika Tengah. - ©BERNAMA

Banjir, tanah runtuh jejas lebih 1,400 isi rumah di Jawa Timur

JAKARTA, 3 Nov. - Hujan lebat mengakibatkan banjir dan tanah runtuh di beberapa kampung di Daerah Lumajang, wilayah Jawa Timur, Republik Indonesia, yang menjejaskan 1,417 isi rumah serta mengganggu akses jalan raya dan bekalan elektrik.

Pemangku Ketua Pusat Data, Maklumat dan Komunikasi Bencana, Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) Berton Panjaitan berkata hujan lebat sejak Ahad menyebabkan sungai melimpah dan benteng pecah, sekali gus mencetuskan banjir dan tanah runtuh di lapan kampung dalam tiga mukim di daerah itu.

"Pemantauan sedang dijalankan di kawasan yang terpencil, rumah-rumah yang berisiko mengalami kerosakan, paras air sungai, jambatan yang dilimpahi air, serta keadaan benteng bagi meramal kemungkinan berlakunya bencana susulan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Berton berkata pasukan pengurusan bencana tempatan sedang menilai kerosakan, membersihkan jalan raya yang terhalang oleh runtuhan tanah dan menyediakan bekalan bantuan kecemasan untuk penduduk yang terjejas, sambil terus memantau kawasan berisiko mengalami bencana lanjut.

Di tempat lain di Jawa Timur, Berton memaklumkan banjir telah menjejaskan 43 isi rumah di lima kampung dalam empat mukimdi Daerah Malang pada Isnin.

Kejadian itu menyebabkan kerosakan pada sebuah jambatan dan menjejaskan empat laluan jalan raya, namun banjir kini telah surut dan jalan-jalan tersebut sudah boleh dilalui kenderaan.

Sementara itu, dua orang dilaporkan hilang susulan kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan mewah (*glamping*) Pelaga Eco Park di DaerahBadung, Bali pada Ahad, selepas hujan lebat.

"Operasi mencari dan menyelamat melibatkan anggota penyelamat, agensi pengurusan bencana, polis, pegawai tentera dan pihak berkuasa tempatan sedang dijalankan untuk mengesan mangsa yang hilang," katanya.

Beliau turut memberikan amaran mengenai potensi bencana susulan berkaitan cuaca memandangkan sebahagian wilayah di Indonesia telah memasuki musim hujan pada November.

Berton menggesa penduduk agar sentiasa memantau amaran cuaca rasmi manakala pihak berkuasa tempatan diminta memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi bencana serta sistem amaran awal. - ©BERNAMA

KHEDN UNGGULI KEJOHANAN FUTSAL ANTARA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Ahli Jawatankuasa Futsal Hari Perkhidmatan Awam





YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang Kejohanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33, Tahun 2026 (kiri dan kanan).

BERAKAS, Selasa, 3 November. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mempamerkan penguasaan cemerlang dalam Kejohanan Futsal Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-33, Tahun 2026, apabila berjaya menjuarai Kategori Terbuka dan Veteran.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Perlawanan kemuncak itu menyaksikan KHEDN dinobatkan sebagai juara selepas menewaskan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi penentuan sepakan penalti 3-2 selepas kedua-dua pasukan mengekalkan kedudukan jaringan 1-1 pada perlawanan sebenar pada perlawanan Kategori Terbuka.

Pasukan KHEDN menerima hadiah BND600, piala juara dan rebutan serta pingat sementara KHEU menerima BND400, piala naib juara dan pingat. Pasukan Kementerian Pendidikan (MOE) dan Pasukan Kementerian Kesihatan (MOH) akur menduduki tempat ketiga bersama dengan masing-masing membawa pulang BND250, piala dan pingat.

Anugerah Goleiro Terbaik dimenangi oleh Awang Md. Nabil Haji Maidin daripada Pasukan KHEU dan pemain lincah KHEDN, Awang Azwan Salleh menerima Anguerah Pemain Terbaik.

Sementara itu, Pasukan Veteran KHEDN juga cemerlang dengan membelasah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan jaringan 4-0 untuk memastikan pasukan itu muncul juara sekali gus mengekalkan rekod kejayaan tiga tahun berturut-turut.

Sementara itu, Goleiro Terbaik bagi Kategori Veteran dimenangi oleh Awang Faizal Haji Murni dan Anugerah Pemain Terbaik diberikan kepada Awang Sahrin Momin, kedua-duanya daripada Pasukan KHEDN.

Kejohanan berkenaan menjadi medium dalam mengukuhkan hubungan silaturahim serta semangat berpasukan dalam kalangan warga perkhidmatan awam di samping memberi ruang kepada warga kementerian untuk mengilap potensi pemain dalam sukan futsal di samping menyemarakkan Sambutan HPA Ke-33.



Atlet wusyu negara berjaya ke peringkat akhir

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026

DAKAR, SENEGAL, Selasa, 3 November. - Atlet wusyu negara, Lauren Emily Chua Yu Qing berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir acara Women's Taijiquan Combined pada temasya Sukan Belia Olimplik Ke-4, 2026 (4th Youth Olympic Games 2026) yang berlangsung di Dakar, Senegal.

Pada hari kedua pertandingan yang berlangsung baru-baru ini, Lauren Emily Chua Yu Qing telah mencatatkan 9.170 mata menerusi acara Women's Taijiquan iaitu komponen kedua dalam acara Women's Taijiquan Combined.

Pencapaian ini menunjukkan peningkatan skor berbanding persembahan beliau menerusi acara Taijishan pada hari pertama.

Secara keseluruhan, Lauren Emily Chua Yu Qing berjaya mengumpul 18.143 mata daripada gabungan kedua-dua acara tersebut, sekali gus menduduki tempat ketujuh daripada 11 peserta dalam kedudukan keseluruhan pusingan awal.

Keputusan ini melayakkan beliau berada dalam kelompok lapan peserta terbaik dan seterusnya mara ke peringkat akhir yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Pencapaian ini merupakan satu perkembangan yang membanggakan buat Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD). Ia mencerminkan kesungguhan, disiplin dan komitmen Lauren Emily Chua Yu Qing dalam membawa cabaran negara, di samping menjadi bukti potensi atlet muda Brunei untuk terus bersaing dan menimba pengalaman di pentas sukan antarabangsa, khususnya di temasya Sukan Olimpik Belia ini.

Kini, tumpuan Lauren Emily Chua Yu Qing pastinya terarah kepada peringkat akhir. Kejayaan melayakkan diri ke peringkat akhir merupakan satu pencapaian positif dan membanggakan.

Diharapkan Lauren Emily Chua Yu Qing akan terus mengekalkan fokus, keyakinan dan semangat juang yang tinggi, di samping mempersembahkan aksi yang lebih mantap dan konsisten bagi merebut peluang untuk mencatatkan keputusan terbaik di pentas antarabangsa.

Seluruh warga sukan dan rakyat NBD pastinya akan terus memberikan sokongan dan iringan doa kepada Lauren Emily Chua Yu Qing agar dapat menghadapi cabaran di peringkat akhir dengan penuh keyakinan serta membawa pulang keputusan yang membanggakan negara.



ATLET wusyu negara, Lauren Emily Chua Yu Qing.

Rombongan terakhir kontinjen NBD berlepas ke Dakar

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



ROMBONGAN terakhir kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pasukan olahraga bertolak ke Dakar, Senegal bagi menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026.

BERAKAS, Selasa, 3 November. – Rombongan terakhir kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pasukan olahraga pagi tadi bertolak ke Dakar, Senegal bagi menyertai Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 (4th Youth Olympic Games 2026).

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya menyampaikan kata-kata motivasi kepada kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan nasihat serta kata-kata motivasi kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir, para pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan (JBS), wakil Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam serta ahli keluarga atlet.

Pasukan olahraga negara diwakili oleh Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaous @ Muhammad Nazyl Putera Faeiz Syurgawi bin Fakhri Zul Khairi yang akan bertanding dalam acara 200 meter lelaki.

Acara berkenaan dijadualkan berlangsung pada 8 hingga 10 November 2026 di Iba Mar Diop Stadium (CID), Dakar, dan atlet berkenaan diiringi oleh seorang jurulatih.

Sukan Belia Olimpik Ke-4 2026 merupakan edisi keempat Sukan Belia Olimpik Musim Panas yang berlangsung pada 31 Oktober hingga 13 November 2026 di Dakar, Senegal.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

JULANGAN KASIH SDN. BHD. LANCARKAN GELANGGANG T-ACTIVE



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan Majlis Perasmian Gelanggang T-Active (atas kiri dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

JERUDONG, Isnin, 2 November. - Dalam usaha berterusan meningkatkan kemudahan serta memperkenalkan pengalaman rekreasi baharu, Julangan Kasih Sdn. Bhd. telah merasmikan pelancaran T-Active, sebuah kemudahan sukan dan rekreasi baharu di Tarindak d'Polo, Jerudong, di sini.

Majlis Perasmian Gelanggang T-Active telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir pihak-pihak berkepentingan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan para jemputan.

Majlis turut diisikan dengan tayangan video mengenai T-Active dan kemudahan-kemudahannya serta pelancaran logo.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat telah dibacakan oleh Awang Muhammad Ikhwan bin Mahni / Azizan.

Dengan slogan 'Play. Dine. Connect.', T-Active bertujuan untuk menghimpunkan masyarakat melalui sukan, rekreasi dan pengalaman menjamu selera.

Kemudahan ini menawarkan gelanggang *pickleball* dan badminton tertutup yang baharu, di samping kemudahan kolam renang dan snuker sedia ada, memberikan para pengunjung pelbagai pilihan aktiviti di satu lokasi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif menyatakan bahawa T-Active menandakan satu babak baharu bagi Julangan Kasih Sdn. Bhd. apabila kumpulan tersebut mengembangkan perniagaannya melangkaui bidang makanan dan hospitaliti ke bidang sukan dan rekreasi.

T-Active bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup aktif di samping menyediakan ruang yang mesra untuk keluarga, rakan-rakan dan komuniti. Ia juga menawarkan peluang untuk perhimpunan sosial, aktiviti korporat dan acara-acara sukan.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Julangan Kasih Sdn. Bhd. dalam mencipta pengalaman baharu dan menghimpunkan masyarakat melalui sukan dan pengalaman menjamu selera.

Daerah Tutong hantar lebih 200 atlet, petugas ke SKBD Ke-V



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Tutong Bagi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026 (SKBD Ke-V, Tahun 2026) di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Isnin, 2 November. – Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Tutong Bagi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-V, Tahun 2026 (SKBD Ke-V, Tahun 2026) telah diadakan di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan penyerahan berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong telah menyampaikan bendera kontinjen kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, selaku ketua kontinjen.

Sejurus selepas menerima bendera berkenaan, ketua kontinjen seterusnya menyerahkan bendera tersebut kepada pembawa bendera, iaitu Dayang Nur Asyifa Shabeqah binti Masli, atlet pesilat yang telah meraih pingat emas di Labuan International Sea Championship pada April 2026, pingat emas dan Piala Pesilat Terbaik Wanita di Pertandingan Antara Skim Peringkat Kebangsaan pada Jun 2026, pingat gangsa di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 pada Ogos 2026 dan berjaya meraih pingat emas di Pertandingan Silat Hari Keputeraan Peringkat Kebangsaan pada September 2026.

Pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong turut menyerahkan surat-surat penghargaan kepada para penaja kontinjen Daerah Tutong.

SKBD Ke-V, Tahun 2026 akan diadakan dari 7 hingga 14 November 2026. Daerah Tutong akan menghantar seramai lebih 200 atlet dan petugas termasuk pengurus dan jurulatih semasa sukan berkenaan diadakan.

Kontinjen Daerah Tutong akan menyertai kesemua 10 acara yang dipertandingkan iaitu akuatik, badminton, bola sepak, futsal, karate, olahraga, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan tarik kalat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Penolong-penolong Ketua Pasukan Daerah Tutong, pengurus-pengurus pasukan, para penaja serta atlet-atlet yang menyertai SKBD Ke-V, Tahun 2026 dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong serta Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Tutong.

SKBD berkenaan adalah anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan ia dikelolakan oleh persatuan-persatuan sukan di negara ini.

Selain itu, ia merupakan temasya sukan peringkat kebangsaan yang dianjurkan sebagai wadah bagi menghimpunkan para atlet dari seluruh negara untuk bersaing dalam pelbagai acara sukan.

Penganjuran SKBD Ke-V, Tahun 2026 meneruskan kesinambungan usaha pembangunan sukan negara dengan menyediakan platform pertandingan yang kompetitif, memperkukuh semangat kesukanan dan perpaduan serta melahirkan para atlet berpotensi untuk mewakili Negara Brunei Darussalam di kejohanan serantau dan antarabangsa.